



Khurāfat.

MENURUT PERSPEKTIF
AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

KHURAFAT MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

Cetakan Pertama 2008

Cetakan Kedua 2015

..

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman @ sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

Oleh :

Hj. Shahul Hamid Bin Seeni Md

Susunan:

Bahagian Fatwa

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

<http://mufti.penang.gov.my>

Diterbitkan oleh:

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

KOMTAR, Tingkat 48,

Georgetown 10000,

Pulau Pinang.

Tel: 04-263 2975 Faks: 04-263 2985

MUQADDIMAH

Segala pujian kita panjatkan kepada Allah S.W.T yang telah menyempurnakan kehidupan manusia dengan pemberian al-Quran sebagai kitab panduan yang tidak ada kekurangan sepertimana firman Allah S.W.T:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ
الإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya: Pada hari ini, telah Ku-sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Ku-cukupkan kepadamu ni'mat-Ku, dan telah Ku-redhai Islam itu jadi agama bagimu¹.

Islam adalah undang-undang ke arah menjadikan kehidupan manusia lebih berkualiti kerana datangnya dari pencipta alam itu sendiri, sebab itu ia sesuai di setiap zaman dan tempat bahkan tidak akan sesat selama mana kita berpegang dengan dua panduan Islam yang utama, seperti sabdaan Nabi S.A.W.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا
مَا تَمَسَّكْتُمُ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

Maksudnya: Aku tinggalkan pada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama mana kamu berpegang dengan keduanya iaitu kitab Allah S.W.T dan sunnah Nabi-Nya².

Walaupun Rasulullah S.A.W telah wafat dan membawakan Islam kepada seluruh manusia dan jin sejak 1400 tahun lebih yang lalu, namun masih lagi wujud golongan yang mengamalkan dengan amalan khurafat, mistik kebatinan yang akhirnya menyimpang dari ajaran Islam yang syumul ini .Walaupun manusia pada hakikatnya, sudah bijak sehinggakan ramai yang sudah ke menara gading bahkan ada yang sudah ke bulan tetapi tidak kurang juga di kalangan mereka yang terpedaya dengan ajaran-ajaran khurafat yang diamalkan di dalam kehidupannya bahkan sudah sebatih sehinggakan susah untuk dipulihkan.

Amalan-amalan khurafat pada hakikatnya merupakan virus ke arah merosakkan akidah dan pegangan hidup seseorang dan umat Islam yang lain. Bagi membendung gejala ini; kuliah, seminar atau apa bentuk majlis ilmu perlu diadakan bagi memperjelaskan kepada masyarakat Islam terhadap amalan-amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam berserta dalil dari al-Quran, as-Sunnah dan kitab-kitab ulama muktabar.

1 Al-Quran Surah al-Maidah ayat 3

2 Hadith ini telah dikeluarkan oleh Imam Malik di dalam al-Muwaththa 5 / 371 hadith no. 1395.

Risalah ini pada asalnya adalah kertas kerja yang telah saya susun dan bentangkan dalam seminar pemantapan akidah sempena hari kelahiran sultan Brunei, setelah itu saya bukukan agar ianya bermanfaat kepada seluruh umat Islam bagi menjadi panduan agar tidak terlibat dengan gejala-gejala khurafat yang dapat menyelewengkan akidah mereka.

Mudah-mudahan coretan yang tak seberapa ini akan dapat memberikan manfaat dan panduan pada diri al-faqir serta sahabat handai dalam memahami dengan lebih mendalam tentang ajaran yang bercanggah dengan Islam khususnya amalan-amalan khurafat.

Al-Faqir Abu Muhammad Al-Naqsyabandiy Al-Filfilani

USTAZ HJ. SHAHUL HAMID BIN SEENI MD
PONDOK LANAI, BALING KEDAH
B.A. (HONS) SYARIAH UNIV AL-AZHAR
B.A. (HONS) DAKWAH DAN KAUNSELING ISLAM UNIV ISLAM RIAU
M.A. HADITH U.K.M. (SEKARANG)

Jumaat 13 Julai 2007 bersamaan 28 Jamadil Akhir 1428H

DEFINISI KHURAFAT

Sebelum tirai ini dibuka dengan lebih luas marilah kita selidik tentang maksud tajuk yang akan dibincangkan menurut kacamata etimologi (segi bahasa) dan kemudiannya dengan definisi menurut terminologi (istilah). Menurut Kamus Dewan³, perkataan khurafat diertikan dengan: Kepercayaan yang karut, dongeng, tahyul⁴.

Khurafat menurut definisi yang dipakai oleh JAKIM ialah: Cerita-cerita yang mempesonakan yang dicampuradukkan dengan perkara dusta, khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan pemujaan atau kepercayaan yang amat bertentangan dengan ajaran Islam. Semua perkara yang berkaitan perlu dijaui oleh semua orang Islam, kerana ia merupakan dosa⁵. Khurafat dapat diertikan juga dengan Ajaran Sesat seperti yang tersebut di dalam Kamus Dewan ialah: Ajaran yang terpesong daripada akidah atau syariat agama Islam⁶. Menurut BAHEIS JPM terdapat (6) kriteria yang boleh dijadikan garis panduan bagi menentukan sesuatu ajaran itu sesat ataupun tidak yang akan disebutkan pada bahagian yang ke enam nanti.

Menurut penulis, khurafat adalah perkara yang merujuk kepada persoalan amalan-amalan dan tingkah laku yang bercanggah dengan ajaran Islam dan adat kebiasaan manusia yang sejahtera akal pemikirannya yang dapat dikategorikan sebagai ajaran sesat.

HADITH MENGENAI KHURAFAT

Yang dimaksudkan dengan hadith khurafat iaitu hadith yang merujuk kepada asal usul perkataan khurafat dan kaitan alam jin (kebatinan) dengan manusia, seperti yang disabdakan oleh Baginda S.A.W :

حَدَّثَنَا أَبُو النَّضْرِ حَدَّثَنَا أَبُو عَقِيلٍ يَعْنِي التَّعْفِيَّ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ
سَعِيدٍ عَنْ عَامِرٍ عَنْ مَسْرُوقٍ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : حَدَّثَ رَسُولُ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نِسَاءَهُ ذَاتَ لَيْلَةٍ حَدِيثًا فَقَالَتْ امْرَأَةٌ
مِنْهُنَّ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَانَ الْحَدِيثُ حَدِيثَ خُرَافَةٍ فَقَالَ أَتَدْرُونَ مَا

3 Lihat Kamus Dewan edisi terkini (edisi ke-empat) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 2005

4 Ibid halaman 786

5 Lihat "Penjelasan Istilah Yang Boleh Membawa Penyelewengan Aqidah" terbitan JAKIM 2006, halaman 16

6 Kamus Dewan, op.cit; halaman 20

لَظَنَنْتُ أَنَّهُ خُرَافَةٌ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : « وَمَا حَدِيثُ خُرَافَةِ بَنِي عَائِشَةَ ؟ » قَالَتْ : الشَّيْءُ إِذَا لَمْ يَكُنْ قِيلَ حَدِيثُ خُرَافَةٍ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : (إِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ حَدِيثُ خُرَافَةٍ ، رَجُلٌ مِنْ بَنِي عَدْرَةَ ، سَبَّهَهُ الْجِنُّ ، وَكَانَ يَكُونُ مَعَهُمْ ، فَإِذَا اسْتَرْفَعُوا السَّمْعَ أَحْبَبُوهُ ، فَيَحْبِرُ بِهِ النَّاسَ ، فَيَجِدُونَهُ كَمَا قَالَ

Maksudnya: Pada suatu malam Rasulullah S.A.W bersembang-sembang dengan para isterinya tentang suatu perkara, lalu salah seorang dikalangan mereka berkata: perkara ini seperti cerita khurafat. Baginda seraya bersabda: Adakah kalian tahu apa itu khurafat? Sesungguhnya khurafat itu ialah seorang lelaki dari bani 'Uzhrah (kabilah Yaman) yang telah disembunyikan oleh jin pada zaman jahiliyyah, lalu dia tinggal bersama golongan jin beberapa ketika kemudian golongan jin itu menghantarnya pulang kembali ke alam manusia lalu dia menceritakan kepada manusia tentang apa yang telah dilihatnya pada mereka (golongan jin) daripada perkara ajaib. Maka sebab itulah manusia berkata (tentang perkara-perkara pelik sebagai) cerita khurafat⁷.

Hadith yang lain, Rasulullah S.A.W bersabda :

حدثنا محمد بن يونس العصفري قال : ثنا يزيد بن عمرو بن البراء الغنوي قال : نا سعيد بن عبد الله السلمي قال : نا علي بن أبي سارة ، عن ثابت البناني ، عن أنس بن مالك ، عن عائشة ، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم حدثها بحديث وهو معها في لحاف ، فقالت : بأبي ، وأمي يا رسول الله ، لولا تحدثني هذا الحديث لظننت أنه خرافة ، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : « وما

7 Thaqafi daripada Mujalid ibn Sa'ad daripada Amir daripada Masruq daripada Aisyah R.A. Hadith ini Shahih dan hadith ini juga telah dikeluarkan oleh Al-Tirmizi di dalam Al-Syamail Al-Muhammadiyah, dengan matan yang sama tetapi sedikit perubahan pada isnadnya bab 38 hadith no 242 halaman 173 daripada Al-Hasan ibn Shabbah Al-Bazzar daripada Abu Al-Nadhr daripada Abu 'Aqil Al-Thaqafi daripada Mujalid ibn Sa'ad daripada Al-Sya'abi daripada Masruq daripada Aisyah R.A. Menurut sanad yang kedua hadith ini Dhaif.

حديث خرافة يا عائشة ؟ « قالت : الشيء إذا لم يكن قيل حديث خرافة ، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : (إن أصدق الحديث حديث خرافة ، رجل من بني عدرة ، سبته الجن ، وكان يكون معهم ، فإذا استرقوا السمع أخبروه ، فيخبر به الناس ، فيجدونه كما قال

Maksudnya: Pada suatu malam Rasulullah S.A.W bersembang-sembang dengan 'Aisyah tentang suatu perkara, sedangkan Baginda ketika itu bersamanya di dalam satu selimut lalu 'Aisyah berkata: Demi engkau sebagai ibu dan bapakku Wahai Rasulullah, jika engkau tidak ceritakan padaku cerita ini nescaya aku masih menganggap cerita itu adalah cerita khurafat. Rasulullah S.A.W seraya bersabda: Adakah kamu tahu apa itu cerita khurafat wahai 'Aisyah? 'Aisyah lantas menjawab: Sesuatu yang (pelik dan) tidak berlaku, dikatakan cerita khurafat. Baginda S.A.W bersabda: Sesungguhnya sebenar-benar cerita khurafat iaitu seorang lelaki dari bani 'Uzhrah (kabilah Yaman) yang telah disembunyikan oleh jin lalu dia tinggal bersama golongan jin, kemudian golongan jin itu menghantarnya pulang kembali ke alam manusia lalu dia menceritakan kepada manusia tentang apa yang telah dilihatnya pada mereka (golongan jin), Maka sebab itulah manusia berkata (tentang perkara-perkara pelik sebagai) cerita khurafat⁸.

Berdasarkan beberapa riwayat di atas ini, jelas menunjukkan bahawa perkataan khurafat digunakan oleh Baginda S.A.W dan para sahabat yang merujuk kepada perkara-perkara pelik dan sesuatu cerita yang menyalahi adat kehidupan atau tidak dapat diterima oleh akal manusia seperti mempercayai bahawa sesuatu objek ditakuti oleh golongan jin dan hantu atau objek tertentu boleh mendatangkan keuntungan serta menyelamatkan seseorang dan sebagainya. Berlainan pula sesuatu yang pelik dan tidak logik oleh akal manusia tetapi jelas dikhabarkan di dalam al-Quran dan as-Sunnah maka ia wajib diterima dan di imani yang dinamakan dengan *Al-Sam'iyyat* seperti persoalan azab kubur, hari kebangkitan, mizan, syurga, neraka dan sebagainya⁹.

8 Hadith ini telah dikeluarkan oleh Imam al-Thabarani di dalam Mu'jam al-Ausath juz 13 halaman 325 hadith no 6247 daripada Muhammad ibn Yunus al-'Ashfari daripada Yazid ibn 'Amru ibn al-Barra; al-Ghanawi daripada Sa'id ibn Abdillah al-Sulami daripada 'Ali ibn Abi Sarah daripada Thabit al-Bannani daripada Anas ibn Malik daripada 'Aisyah r.a..

9 Lihat kitab Dirasah Fi al-Sam'iyyat oleh Prof.Dr. al-Sayyid Muhammad 'Aqil ibn 'Ali al-Mahdali.

Juga terdapat beberapa perkara pelik yang menyalahi adat yang berlaku kepada para Anbiya' yang dinamakan sebagai *Mukjizat* dan *Irhash*, yang berlaku kepada para Auliya' dinamakan sebagai karamah, yang berlaku kepada golongan awam yang soleh dinamakan sebagai *Ma'unah*, yang berlaku kepada orang fasik dinamakan sebagai *Istidraj*, yang berlaku kepada seorang yang mendakwa sebagai seorang rasul *Ihanah* dan yang berlaku kepada orang kafir dinamakan sebagai Sihir¹⁰.

PUNCA TERJADINYA AMALAN-AMALAN KHURAFAT

1. KEJAHILAN

Nilah faktor utama kenapa manusia sanggup melakukan amalan-amalan khurafat dan syirik, sebab itulah Islam amat menitikberatkan umatnya agar sentiasa meningkatkan keupayaan diri dengan menuntut ilmu, bahkan menuntut ilmu merupakan suatu kewajipan ke atas setiap individu muslim. Firman Allah S.W.T :

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: Katakan wahai Muhammad; adakah sama mereka yang mengetahui sesuatu dengan mereka yang tidak mengetahui¹¹.

2. KEPENTINGAN PERIBADI

Bagi mendapatkan sesuatu dari kepentingan duniawi manusia sanggup melakukan apa-apa saja walaupun terpaksa menggadaikan akidah dan agamanya serta terlibat dengan gejala mungkar. Firman Allah S.W.T :

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Maksudnya : Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-ganang, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khuatir akan mengkhianatinya, dan di pikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh¹².

¹⁰ Sila rujuk perbincangan ini di dalam kitab al-Mukhtasar al-Mufid Fi Syarh Jauharah al-Ta'uhid oleh Syeikh Nuh 'Ali Sulaiman al-Qudhoh (Mufti Jordan) halaman 155. Lihat juga di dalam Lihat "Penjelasan Istilah Yang Boleh Membawa Penyelewengan Aqidah" terbitan JAKIM 2006, halaman 16.

¹¹ Al-Quran surah al-Zumar ayat 9.

¹² Al-Quran surah al-Ahzab ayat 72.

3. NIAT YANG JAHAT

Sesungguhnya di antara hikmah kenapa adanya syurga dan neraka ialah kerana adanya manusia yang baik dan ada yang jahat yang saban hari sentiasa memikirkan bagaimana dia ingin merealisasikan niat dan amalannya itu sepertimana Firman Allah S.W.T:

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِتُنذِرَ أُمَّ الْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا وَتُنذِرَ يَوْمَ
الْجُمُعِ لَا رَيْبَ فِيهِ فَرِيقٌ فِي الْجَنَّةِ وَفَرِيقٌ فِي السَّعِيرِ

Maksudnya: Demikianlah Kami wahyukan kepadamu al-Qur'an dalam bahasa Arab supaya kamu memberi peringatan kepada umulqura (penduduk Mekah) dan penduduk (negeri-negeri) sekelilingnya serta memberi peringatan (pula) tentang hari berkumpul (kiamat) yang tidak ada keraguan padanya. Segolongan masuk syurga dan segolongan masuk neraka¹³.

4. PERGAULAN

Faktor ini juga terkadang menjadi sumbangan penting ke arah terbaknya seseorang dengan amalan khurafat seperti mengikut kawan pergi menurun nombor ekor, ajaran *Black Metal* dan sebagainya. Sepertimana firman Allah S.W.T :

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ
الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Yang bermaksud: Telah nampak kerusakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)¹⁴.

5. KEADAAN SEKELILING

Suasana masyarakat yang tidak diikat dengan undang-undang agama juga adalah faktor berleluasanya ajaran khurafat, oleh itu faktor ini juga penting untuk diberikan perhatian serius oleh masyarakat muslim atau mana-mana organisasi agama agar tidak wujud masyarakat yang mendorong ke arah berlakunya ajaran khurafat seperti di zaman jahilийyah.

13 Al-Quran surah al-Syuraa ayat 7

14 Al-Quran surah al-Rum ayat 41

6. ADAT KEBIASAAN

Faktor ini dikenal pasti sebagai penyumbang utama ke arah berterusannya amalan khurafat dalam kehidupan manusia dengan slogan “Biar mati anak jangan mati adat” seterusnya menjadikan mereka begitu bersemangat mengadakan amalan khurafat secara berterusan seumpama mengadakan upacara bersemah atau menjamu hantu, hulu-balang, roh semangat dan sebagainya. Al-Quran menyatakan hal ini dengan firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا آبَاءَكُمْ وَإِخْوَانَكُمْ أَوْلِيَاءَ إِنِ اسْتَحَبُّوا
الْكُفْرَ عَلَى الْإِيمَانِ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ مِنْكُمْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٣﴾

Yang bermaksud: Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu jadikan bapa-bapa dan saudara-saudaramu pemimpin-pemimpinmu, jika mereka lebih mengutamakan kekafiran atas keimanan dan siapa di antara kamu yang menjadikan mereka pemimpin-pemimpinmu, maka mereka itulah orang-orang yang zalim¹⁵.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا إِلَىٰ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَإِلَى الرَّسُولِ قَالُوا حَسْبُنَا مَا وَجَدْنَا
عَلَيْهِ آبَاءَنَا أَوْلَؤُا كَانَ آبَاؤُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya: Apabila dikatakan kepada mereka: "Marilah mengikuti apa yang diturunkan Allah dan mengikuti Rasul". Mereka menjawab: "Cukuplah untuk kami apa yang kami dapati bapa-bapa kami mengerjakannya". Dan apakah mereka akan mengikuti juga nenek moyang mereka walaupun nenek moyang mereka itu tidak mengetahui apa-apa dan tidak (pula) mendapat petunjuk?¹⁶.

7. KEPERCAYAAN KARUT

Sebelum kedatangan Islam masyarakat kita telah lama menganuti ajaran agama hindu dengan kepelbagaian fahaman dan upacara yang karut-marut, sehinggakan apabila datangnya Islam menghapus sedikit demi sedikit amalan tersebut, walaupun begitu sebahagiannya masih segar bak jambangan bunga di pagi hari disebabkan penyesat manusia yang pertama masih berleluasa hidup dan menyesatkan manusia dan menagih janjinya pada Allah untuk menyesatkan manusia sekaliannya, sepertimana Firman Allah S.W.T :

¹⁵ Al-Quran Surah al-Taubah ayat 23

¹⁶ Al-Quran Surah al-Maidah ayat 104

قَالَ رَبِّ فَأَنْظِرْنِي إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿٣٦﴾ قَالَ فَإِنَّكَ مِنَ الْمُنْظَرِينَ
﴿٣٧﴾ إِلَى يَوْمِ الْوَقْتِ الْمَعْلُومِ ﴿٣٨﴾ قَالَ رَبِّ بِمَا أُعُوِّتِي لِأَزِيدَنِي
هُمَّ فِي الْأَرْضِ وَلَا أُعُوِّتَهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٣٩﴾ إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمْ
الْمُخْلِصِينَ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: Berkata iblis: "Ya Tuhanku, (kalau begitu) maka beri tanggulah kepadaku sampai hari (manusia) dibangkitkan". Allah berfirman: "(Kalau begitu) maka sesungguhnya kamu termasuk orang-orang yang diberi tangguh. Sampai hari (suatu) waktu yang telah ditentukan". Iblis berkata: "Ya Tuhanku, oleh sebab Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat pasti aku akan menjadikan mereka memandang baik (perbuatan maksiat) di muka bumi, dan pasti aku akan menyesatkan mereka semuanya. Kecuali hamba-hamba Engkau yang mukhlis di antara mereka"¹³.

8. PENGARUH POLITIK

Demi mendapatkan kuasa dan kedudukan duniawi yang sementara manusia sanggup untuk terlibat dengan gejala khurafat seperti mendapatkan bantuan bomoh-bomoh.


SEBAHAGIAN DARI AMALAN KHURAFAT

Di antara perkara khurafat yang telah atau sedang menjadi amalan sebahagian umat Islam yang menjadi suatu kewajiban ke atas mereka yang mengetahui untuk membanteras perkara-perkara ini dari berlaku dan diamalkan sebagai langkah Amar Makruf dan Nahi Mungkar ialah :

1. Menganggap seseorang sial atau membawa malapetaka kepada seseorang ataupun sesuatu masyarakat dengan kehadirannya.
2. Amalan buang sial seperti tepung tawar, lenggang perut, Mandi bunga atau Sintok limau dan Mandi Safar

3. Menjamu Hantu dan Tok Nenek dengan alasan untuk selamat tinggal di suatu tempat atau memberi makan kepada hantu peliharaannya ataupun konon-kononnya untuk membayar niat tertentu.
4. Ilmu seru gerak yang kebiasaannya diamalkan oleh silat-silat yang ada amalan jurus kebatinan.
5. Jampi serapah yang ada unsur-unsur syirik atau yang menghina Islam atau yang tidak difahami maksudnya.
6. Mempercayai cakapan dan tilikan dukun-dukun sama ada terhadap perkara yang telah lalu atau di masa akan datang.
7. Bercakap dengan cakapan yang tidak ada asal usul suruhan dalam Islam seperti katanya "Tabik Tok Nenek" ketika melalui di suatu tempat atau "Minta simpang Malaikat 44" ketika mengharapkan sesuatu tidak mengenainya.
8. Penggunaan tangkal di rumah atau yang dipakainya di badan yang bukannya dari sesuatu yang thabit dalam agama serta tidak dijaga dari dibawa ke tempat-tempat yang tidak suci.
9. Letak ladam kuda di pintu rumah dengan alasan boleh menghindarkan diri dari gangguan makhluk halus.
10. Gantung isim-isim yang di pahat di logam-logam tertentu dengan berbagai-bagai rajah dan tulisan yang bukannya ayat al-Quran atau sesuatu yang warid dalam agama.
11. Bersahabat dan meminta pertolongan dengan Jin/ Khadam/ Masuk Tok Nenek dalam badan (menurun).
12. Beramal dengan amalan "Ilmu Pengasih".
13. Perasapan kemenyan dengan tujuan supaya menghalau jin dan hantu di dalam rumah dan menjemput malaikat datang ke rumah.
14. Meletakkan air di dalam bekas untuk dijamukan kepada para malaikat "Air Malaikat".
15. Menganiayai atau menzalimi orang dengan melakukan sihir, santau, pukau dan sebagainya.
16. Pemakaian susuk untuk mencantikkan muka dan badan atau lainnya.
17. Pemakaian raksa atau apa-apa logam untuk menguatkan tubuh badan atau untuk kuatkan rangsangan seks.
18. Menggunakan sesuatu objek dengan alasan golongan jin akan takut kepada benda tersebut ataupun bermain dengannya seperti menabur beras kunyit di dalam rumah, menabur kacang hijau atau lada hitam, menyembur air garam ataupun cuka di rumah, meletakkan sesuatu benda yang berduri di dalam rumah.

19. Mempercayai sesuatu objek boleh memberi mudharat dan manfaat seperti batu zamrud, kayu koka, kemuning hitam, raja kayu, teras kilo, buluh tumpat dan sebagainya.
20. Lari di bawah keranda seseorang yang kita terlalu kasih supaya tidak teringat kepadanya.
21. Menzalimi binatang seperti amalan memindahkan penyakit kepada binatang atau menyihir seseorang dengan menggunakan katak atau apa-apa binatang.
22. Mempercayai seseorang wali, keramat atau seseorang seperti bomoh dan dukun boleh mendatangkan kemudharatan ataupun manfaat.
23. Mempercayai sesuatu perkara atau bunyi yang berlaku ada kaitan dengan apa-apa perkara atau kaitan dengan orang tertentu seperti bunyi cicak atau burung, kucing atau biawak melintas dalam perjalanan akan membawa malapetaka.
24. Membaca ayat-ayat al-Quran secara songsang ataupun dihentikan pada tempat yang salah dari segi tajwid dengan alasan tertentu yang bercanggah dengan syarak seperti membaca surah al-Fatihah atau surah al-Ikhlas terbalik kononnya dengan tujuan perubatan atau untuk menghantar balik sihir yang dibuat oleh orang lain seperti dibaca :

Ataupun memberhentikan bacaan pada “Rabbuka”
kononnya untuk memberhentikan salakan anjing. 
25. Mempercayai wafaq atau huruf hijaiyyah yang tertentu yang ditulis boleh samada secara rajah ataupun tidak, dapat mendatangkan sesuatu manfaat ataupun mudharat.
26. Berubat dengan kaedah yang salah dan haram di sisi agama seperti menyembelih ayam jantan/ hitam, makan bara api, menilik di dalam air atau asap, mentitik lilin di dalam air untuk mengetahui sesuatu, mandi air najis, membuka, melihat dan menyentuh aurat pesakit tanpa hajat, berdua-duaan dengan pesakit.
27. Berubat dengan menggunakan bahan-bahan yang haram seperti najis, darah, nanah, air longkang, kain lampin, modes wanita yang mengandungi kesan darah, sesuatu dari cebisan tubuh badan manusia seperti rambut, kuku, gigi dan tulang manusia.
28. Mengadakan upacara “Tahdhirul Arwah” kononnya memanggil roh-roh tertentu masuk ke dalam badan seseorang seperti memanggil roh syeikh Abdul Qodir al-Jailani dan sebagainya

29. Berubat dengan kaedah yang tidak ada asal usul dalam ugama seperti ilmu cungkil urat dengan di garis-garis di hadapan jari kaki dan tangan yang diurut di atas sebuah papan plawet dengan menggunakan pisau tumpul, menggunakan pahat atau penukul kononnya sebagai isyarat untuk pulihkan sendi atau urat yang sakit, memaku paku di tiang rumah untuk menghilangkan sakit gigi, menggunakan keris, pisau, pedang dan gambar.
30. Berubat dengan bomoh-bomoh bukan Islam seperti sami hindu, sami buddha, paderi kristian dan tok batin orang asli yang menggunakan kaedah kepercayaan terhadap agamanya ataupun jampi serapah agamanya.
31. Mendakwa diri sebagai seorang wali yang kasyaf dan boleh melihat jin dan sebarang makhluk halus dan boleh menyembuhkan sebarang penyakit.
32. Mensyaratkan pengeras yang pelik-pelik seperti mesti beri benda tajam, bayaran yang berjumlah suku seperti dua ringgit suku, membawa pulut kuning dan telur berwarna dan sebagainya.

Huraian: Menganggap seseorang sial atau membawa malapetaka kepada seseorang ataupun sesuatu masyarakat dengan kehadirannya. Amalan buang sial seperti tepung tawar, lenggang perut, Mandi bunga atau Sintok limau dan Mandi Safar.

Islam menganggap setiap orang itu ada qadar baiknya dan ada qadar buruknya dan sama sekali tidak ada kesialan pada diri seseorang, begitu juga cara untuk menghindari dari sesuatu musibah dengan memohon kepada Allah yang menciptakan segala-galanya bukannya memadai dengan amalan-amalan yang jelas tidak ada asal usul di dalam Islam, seperti yang difirmankan oleh Allah S.W.T :

قَالُوا إِنَّا تَطَيَّرْنَا بِكُمْ ۗ لَئِن لَّمْ تَنْتَهُوا لَنَرْجُمَنَّكُمْ وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ
أَلِيمٌ ﴿١٨﴾ قَالُوا طَائِرُكُم مَّعَكُمْ ۗ أَلَيْسَ ذِكْرُكُمْ ۚ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّشْرِكُونَ
﴿١٩﴾

Maksudnya: Mereka menjawab: "Sesungguhnya kami bernasib malang kerana kamu, sesungguhnya jika kamu tidak berhenti (menyeru kami), nescaya kami akan merejam kamu dan kamu pasti akan mendapat siksa yang pedih dari kami". Utusan-utusan itu berkata: "Kemalangan kamu itu adalah kerana kamu sendiri. Apakah jika kamu diberi peringatan (kamu mengancam kami)? Sebenarnya kamu adalah kaum yang melampaui batas"¹⁸.

Firman-Nya lagi :

الَّذِينَ إِذَا أَصَابْتَهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

Maksudnya : (yaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan, "Innaa lillaahi wa innaa ilaihi raaji`un"¹⁹.

Sabda Rasulullah S.A.W :

لَا عَدُوَّ ، وَلَا طَيْرَةَ وَلَا هَامَةَ ، وَلَا صَفَرَ

Maksudnya: Tiada sesuatu penyakit berjangkit, tiada sial, tiada burung hantu membawa sial dan tiada bulan safar yang berlaku sial²⁰.

Huraian: Menjamu Hantu dan Tok Nenek dengan alasan untuk selamat tinggal di suatu tempat atau memberi makan kepada hantu peliharaannya ataupun konon-kononnya untuk membayar niat tertentu.

Sesungguhnya Islam dengan akidah dan tauhid yang amat kental menyeru manusia agar beriktikad bahawa segala sesuatu yang memberi kesan adalah Allah S.W.T saja yang tidak ada sekutu dengan-Nya, oleh itu tidak perlu lagi menjamu kepada sesiapa kerana segalanya adalah makhluk ciptaan Allah S.W.T yang amat lemah sepertimana firman Allah S.W.T:

وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَيَقُولُونَ هَؤُلَاءِ شَفَعَاؤُنَا

عِنْدَ اللَّهِ ۗ قُلْ أَتَنْبِئُونَ اللَّهَ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ ۗ

سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: Dan mereka menyembah selain daripada Allah apa yang tidak dapat mendatangkan kemudharatan kepada mereka dan tidak (pula) kemanfaatan, dan mereka berkata: "Mereka itu adalah pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah". Katakanlah: "Apakah kamu mengkhabarkan kepada Allah apa yang tidak diketahuinya baik di langit dan tidak (pula) di bumi?" Maha Suci Allah dan Maha Tinggi dari apa yang mereka mempersekutukan (itu)²¹.

19 Al-Quran Surah al-Baqarah ayat 156

20 Hadith ini telah dikeluarkan oleh al-Bukhari di dalam Kitab al-Tibb, bab La Haamah, hadith no 5757 lihat fath al-Bari jilid 16 halaman 33. Hadith ini juga dikeluarkan oleh Muslim hadith no 4116 begitu juga dikeluarkan oleh Abu Daud, al-Tirmizi, Ibn Majah dan Imam Ahmad, Hadith Ini Shahih

21 Al-Quran surah Yunus ayat 18

قُلْ ادْعُوا الَّذِينَ زَعَمْتُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ ۚ لَا يَمْلِكُونَ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ فِي
السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَمَا هُمْ فِيهِمَا مِنْ شَرِكٍ ۚ وَمَا لَهُ مِنْهُمْ مِّنْ ظَهِيرٍ

﴿٢٢﴾

Maksudnya: Katakanlah: "Serulah mereka yang kamu anggap (sebagai tuhan) selain Allah, mereka tidak memiliki (kekuasaan) seberat zarah pun di langit dan di bumi, dan mereka tidak mempunyai suatu saham pun dalam (penciptaan) langit dan bumi dan sekali-kali tidak ada di antara mereka yang menjadi pembantu bagi-Nya"²².

أَمْ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ شُفَعَاءَ قُلْ أَوْلَوْكَانُوا لَا يَمْلِكُونَ شَيْئًا وَلَا يَعْقِلُونَ
﴿٤٣﴾ قُلْ لِلَّهِ الشَّفَاعَةُ جَمِيعًا ۚ لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ ثُمَّ إِلَيْهِ

تُرْجَعُونَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: Bahkan mereka mengambil pemberi syafa'at selain Allah. Katakanlah: "Dan apakah (kamu mengambilnya juga) meskipun mereka tidak memiliki sesuatupun dan tidak berakal?" Katakanlah: "Hanya kepunyaan Allah syafaat itu semuanya. Kepunyaan-Nya kerajaan langit dan bumi. Kemudian kepada-Nyalah kamu dikembalikan"²³.

Firman-Nya lagi:

أَلَا لِلَّهِ الدِّينُ الْخَالِصُ ۚ وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا
إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ

Maksudnya: dan orang-orang yang mengambil pelindung selain Allah (berkata): "Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya"²⁴.

22 Al-Quran surah Saba' ayat 22

23 Al-Quran surah al-Zumar ayat 43/44

24 Al-Quran surah al-Zumar ayat 3

Huraian: Ilmu seru gerak yang kebiasaannya diamalkan oleh silat-silat yang ada amalan jurus kebatinan.

Islam itu lengkap dan amat sempurna dari unsur-unsur luar yang bercadang untuk sempurnakan Islam. Ilmu mempertahankan diri adalah amat baik dan Islam amat menyuruh umatnya mempersiapkan kelengkapan dan segala kekuatan bagi mempertahankan kesucian Islam tetapi bukan dengan sesuatu yang tidak ada asalnya dari Islam seperti ilmu seru gerak dan jurus kebatinan ini kerana ilmu ini :

- a. Tidak didapati sanad pengambilannya yang bersambung sampai kepada Baginda S.A.W²⁵.
- b. Tidak didapati fakta ilmu ini wujud di dalam al-Quran, hadith mahupun kitab-kitab ulama yang muktabar.
- c. Sekiranya ilmu jurus dan seru gerak ini wujud kenapakah Rasulullah S.A.W dan para sahabat juga luka-luka yang teruk dalam banyak peperangan yang berlaku bukankah memadai dengan jurus maka semua musuh Islam boleh kecundang?
- d. Ilmu-ilmu seumpama ini tidak terdapat di tanah arab hanya terdapat di kepulauan Melayu sahaja seperti di Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei dan negara-negara yang berhampiran²⁶.

Oleh yang demikian, disarankan agar kita lebih cermat dalam menerima sesuatu yang dikatakan sebagai ajaran agama dengan bertanyakan kepada ahlinya. Firman Allah S.W.T:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ
عَنْهُ مَسْتَوْوًا ﴿٣٦﴾

Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati semua anggota itu tetap akan di tanya tentang apa yang dilakukannya²⁷.

Huraian: Jampi serapah yang ada unsur-unsur syirik atau yang menghina Islam atau yang tidak difahami maksudnya

Para ulama khilaf dalam masalah membaca jampi serapah yang bukan bersumberkan dari al-Quran mahupun hadith kepada beberapa pandangan, sebahagian mereka tidak mengharuskan sama sekali sebarang jenis bacaan jampi jika bukan wirid dari al-Quran mahupun hadith tetapi sebahagian yang lain mengharuskan dengan syarat difahami maknanya dan tidak ada unsur-unsur yang dilarang dalam agama di dalam bacaan jampi tersebut, seperti seruan kepada sesuatu, menghina Allah, Nabi Muhammad, ajaran Islam, memohon sesuatu kepada selain Allah S.W.T seperti meminta kepada batu atau kayu dan sebagainya²⁸.

25 Untuk maklumat lanjut sila lihat buku karangan penulis 'KEPENTINGAN SANAD DALAM ISLAM'

26 Sebahagian dari kumpulan silat ini sanggup mengadakan cerita dongeng kononnya Nabi S.A.W telah mengijazahkan jurusan kebatinan pertama silatnya dalam perang Badar al-Kubra kepada para sahabat R.A., sebahagian yang lain pula menggunakan sanad-sanad tertentu yang sampai salasilahnya kepada Nabi S.A.W untuk dijadikan sanad amalan kebatinan di dalam silatnya, konon-kononnya amalan tersebut bersumberkan kepada Nabi S.A.W.

27 Al-Quran surah al-Isra' ayat 36

28 Lihat Tafsir al-Munir Prof Dr. Wahbah al-Zuhailly juz 30 halaman 477

Huraian: Mempercayai cakapan dan tilikan dukun-dukun samada terhadap perkara yang telah lalu atau di masa akan datang

Sebahagian daripada perkara yang haram, berdosa besar bahkan syirik di dalam Islam mempercayai tilikan dukun-dukun sepertimana sabdaan Nabi S.A.W.

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ ، قَالَ : حَدَّثَنَا حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ ، قَالَ : حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ
آدَمَ ، وَوَكَيْعٌ ، قَالَا : حَدَّثَنَا سُفْيَانُ ، عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ ، عَنْ هُبَيْرَةَ ، عَنْ
عَبْدِ اللَّهِ ، قَالَ : " مَنْ مَشَى إِلَى سَاجِرٍ أَوْ كَاهِنٍ أَوْ عَرَافٍ فَصَدَّقَهُ مِمَّا
يَقُولُ فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أَنْزَلَ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "

Maksudnya: Barangsiapa yang berjalan pergi kepada tukang sihir atau tukang kahin atau tukang 'Arraf lalu membenarkan apa yang dikatanya maka sesungguhnya dia telah kufur dengan apa yang diturunkan ke atas Nabi Muhammad S.A.W²⁹.

Huraian: Bercakap dengan cakapan yang tidak ada asal usul suruhan dalam Islam seperti katanya “Tabik Tok Nenek” ketika melalui di suatu tempat atau “Minta simpang Malaikat 44” ketika mengharapkan sesuatu tidak mengenyainya

Sabda Nabi S.A.W:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَعْنِيهِ

Maksudnya: Sebahagian daripada sifat keelokkan dan kepujian pada diri seseorang muslim yang sejati ialah meninggalkan perkara yang tidak memberikan faedah³⁰.

Huraian: Penggunaan tangkal di rumah atau yang dipakainya di badan yang bukannya dari sesuatu yang thabit dalam agama serta tidak di jaga dari di bawa ketempat-tempat yang tidak suci

²⁹ Hadith ini telah dikeluarkan oleh Ibn Abi Syaibah di dalam al-Mushannaf juz 5 halaman 436, hadith ini juga diriwayatkan oleh al-Bazzar daripada Jabir ibn Abdillah begitu juga al-Thabarani didalam al-Ausath daripada Ibn 'Umar, Lihat Majma' al-Zawaid Wa Manba' al-Fawa'id juzuk 5 halaman 120

³⁰ Hadith ini telah dikeluarkan oleh al-Tirmizi, Malik dan Ahmad dan dishahihkan oleh Albani, lihat juga dalam Arba'in al-Nawawi hadith ke 12

Pada dasarnya iktiqad seseorang yang menentukan samada dia syirik ataupun tidak dengan merasakan bahawa benda tersebut memberi kesan tetapi pada kebiasaannya penggunaan tangkal akan menyebabkan seseorang bertumpu kepada tangkal dan merasakan dirinya selamat, selama tangkal itu berada dengannya, maka sebab itulah Baginda Nabi S.A.W melarang penggunaan tangkal dengan sabdaannya:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " مِنْ عَلَّقَ تَمِيمَةً فَقَدْ أَشْرَكَهُ "

Maksudnya: Sesiapa yang menggantung tangkal maka sesungguhnya syiriklah dia³¹.

Sabdanya lagi:

مَنْ تَعَلَّقَ تَمِيمَةً فَلَا أْتَمَّ اللَّهُ لَهُ وَمَنْ تَعَلَّقَ وَدَعَةً فَلَا وَدَعَ اللَّهُ لَهُ

Maksudnya: Sesiapa yang menggantung tangkal maka Allah S.W.T tidak akan menyempurnakan hajatnya dan sesiapa yang menggantung tangkal untuk budak maka Allah S.W.T tidak akan memeliharanya³².

Yang dimaksudkan dengan Tamimah (tangkal) ialah sesuatu yang digantung dan diiktikad padanya untuk menghilangkan kesusahan, iaitu adat zaman jahiliyyah apabila mereka mahu mengubahkan sesuatu kadar yang telah ditentukan ke atas mereka maka mereka mencari sesuatu yang dapat menghilangkan kesusahan mereka dari selain Allah S.W.T iaitulah tangkal.

Yang dimaksudkan dengan Wad'ah iaitu sesuatu yang putih yang didapati daripada laut lalu digantungkan di leher kanak-kanak- atau sesiapa saja dengan alasan supaya tidak terkena mata (istilah seseorang yang disihir)³³. Walau bagaimanapun, sebahagian ulama mengharuskan penggunaan tangkal yang ditulis ayat al-Quran atau do'a yang ma'thur dari Nabi S.A.W kepada kanak-kanak yang kecil yang belum boleh membaca ayat al-Quran agar dengan berkat @ barakah ayat tersebut dapat menghindari kanak-kanak tersebut dari gangguan jin dan sebagainya³⁴.

Huraian: Letak ladam kuda di pintu rumah dengan alasan boleh menghindarkan diri dari gangguan makhluk halus dan Gantung isim-isim yang dipahat di logam-logam tertentu dengan berbagai-bagai rajah dan tulisan yang bukannya ayat al-Quran atau sesuatu yang warid dalam agama.

Kedua-dua amalan yang disebutkan di atas ini juga termasuk dalam penggunaan tangkal yang di haramkan di dalam Islam

31 Hadith ini telah dikeluarkan oleh Imam Ahmad di dalam al-Musnad daripada 'Uqbah ibn 'Aamir al-Juhaniy R.A., hadith no 16781

32 Hadith ini telah dikeluarkan oleh al-Hakim di dalam al-Mustadrak kitab al-Tibb jilid 4 halaman 240 hadith no 7501 dan Ibn Hibban di dalam al-Hsan kitab al-Ruqa Wa al-Tamaa im jilid 7 halaman 628 hadith no 6054 . Hadith ini shahih

33 Lihat al-Hsan kitab al-Ruqa Wa al-Tamaa im jilid 7 halaman 629

34 Lihat Tafsir al-Munir Prof Dr. Wahbah al-Zuhailly juz 30 halaman 477

Huraian: Bersahabat dan meminta pertolongan dengan Jin/ Khadam/ Masuk Tok Nenek dalam badan (menurun).

Islam amat melarang umat manusia bersahabat, meminta pertolongan dan apatah lagi berkahwin dengan golongan jin yang kejadiannya, selernya, dan kehidupannya yang berbeza sama sekali dengan manusia, seperti yang difirmankan oleh Allah S.W.T :

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا ﴿٦﴾

Maksudnya: Dan bahawasanya ada beberapa orang laki-laki di antara manusia meminta perlindungan kepada beberapa laki-laki di antara jin, maka jin-jin itu menambah bagi mereka dosa dan kesalahan³⁵.

Firman-Nya lagi:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ

فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ ۗ أَفَتَتَّخِذُونَهُ وَذُرِّيَّتَهُ أَوْلِيَاءَ مِن دُونِي وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّ

يُنسِ لِلظَّالِمِينَ بَدَلًا ۝ ﴿٥٠﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam", maka sujudlah mereka kecuali iblis. Dia adalah dari golongan jin, maka ia menderhakai perintah Tuhannya. Patutkah kamu mengambil dia dan keturunannya sebagai pemimpin selain daripada-Ku, sedang mereka adalah musuhmu? Amat buruklah iblis itu sebagai pengganti (Allah) bagi orang-orang yang zalim³⁶.

35 Al-Quran Surah al-Jin ayat 6

36 Al-Quran Surah al-Kahfi ayat 50

Firman-Nya lagi:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ
مَوَدَّةً وَرَحْمَةً ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir³⁷.

Firman-Nya lagi:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَالٍ مِنْ حَمَإٍ مَسْنُونٍ ﴿٢٦﴾ وَالْجَانَّ
خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلُ مِنْ نَارِ السَّمُومِ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat kering (yang berasal) dari lumpur hitam yang diberi bentuk. Dan Kami telah menciptakan jin sebelum (Adam) dari api yang sangat panas³⁸.

Firman-Nya lagi:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ
الْمَسِّ

Yang bermaksud: Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila³⁹.

37 Al-Quran Surah al-Ruum ayat 21

38 Al-Quran Surah al-Hijr ayat 26/27

39 Al-Quran Surah al-Baqarah ayat 275

Firman-Nya lagi:

وَقُلْ رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ ﴿٩٧﴾ وَأَعُوذُ بِكَ رَبَّ أَنْ
يَحْضُرُونِ

Maksudnya: Dan katakanlah: "Ya Tuhanku aku berlindung kepada Engkau dari bisikan-bisikan syaitan. Dan aku berlindung (pula) kepada Engkau ya Tuhanku, dari kedatangan mereka kepadaku"⁴⁰.

Kesemua dalil di atas menunjukkan larangan bersahabat, meminta pertolongan, berdamangan, memuja, berkahwin atau mengadakan sebarang hubungan dengan golongan jin sama ada jin Islam mahu pun jin kafir.

Huraian: Beramal dengan amalan "Ilmu Pengasih"

Ilmu pengasih atau ilmu supaya dapat menawan hati seseorang samada dengan tujuan baik iaitu ingin bernikah ataupun dengan tujuan yang jahat iaitu ingin memperdaya seseorang adalah haram di sisi agama dan termasuk dalam sebahagian ilmu sihir walaupun dengan menggunakan ayat al-Quran yang ditokok tambah dengan kalimah-kalimah tertentu. Ini dijelaskan oleh Allah S.W.T :

وَاتَّبِعُوا مَا تَتْلُو الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكٍ سُلَيْمَانَ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَٰكِنَّ
الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السَّحْرَ وَمَا أُنزِلَ عَلَى الْمَلَكَيْنِ بِبَابِلَ
هَازُوتَ وَمَأْرُوتَ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا
تَكْفُرْ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ
بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَلَقَدْ عَلِمُوا
لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلَاقٍ ۚ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ أَنفُسَهُمْ
لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: Dan mereka mengikuti apa yang dibaca oleh syaitan-syaitan pada masa kerajaan Sulaiman (dan mereka mengatakan bahawa Sulaiman itu mengerjakan sihir), padahal Sulaiman tidak kafir (tidak mengerjakan sihir), hanya syaitan-syaitan itulah yang kafir (mengerjakan sihir). Mereka mengajarkan sihir kepada manusia dan apa yang diturunkan kepada dua orang malaikat di sihir kepada manusia dan apa yang diturunkan kepada dua orang malaikat di negeri Babil (Babylon) iaitu Harut dan Marut, sedang keduanya tidak mengajarkan (sesuatu) kepada seorang pun sebelum mengatakan: "Sesungguhnya kami hanya cubaan (bagimu), sebab itu janganlah kamu kafir". Maka mereka mempelajari dari kedua malaikat itu apa yang dengan sihir itu, mereka dapat menceraikan antara seorang (suami) dengan isterinya. Dan mereka itu (ahli sihir) tidak memberi mudharat dengan sihirnya kepada seorang pun kecuali dengan izin Allah. Dan mereka mempelajari sesuatu yang memberi mudharat kepadanya dan tidak memberi manfaat. Demi, sesungguhnya mereka telah meyakini bahawa barang siapa yang menukarnya (kitab Allah) dengan sihir itu, tiadalah baginya keuntungan di akhirat dan amat jahatlah perbuatan mereka menjual dirinya dengan sihir, kalau mereka mengetahui⁴¹.

Perkara ini juga dijelaskan oleh Baginda S.A.W:

عن عائشة - رضي الله عنها - قالت : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:
(اسْتَعِينُوا بِاللَّهِ مِنَ الْعَيْنِ فَإِنَّ الْعَيْنَ حَقٌّ)

Maksudnya: Pohonlah perlindungan dengan Allah Ta'ala daripada al-'AIN (sihir) kerana sesungguhnya al-'Ain itu benar⁴².

Sabda Baginda lagi :

قال النبي إن الرقى والتمايم والتولة شرك

Maksudnya: Sesungguhnya jampi serapah, azimat (tangkal), dan guna-guna pengasih adalah syirik⁴³.

41 Al-Quran Surah al-Baqarah ayat 102

42 Hadith ini telah dikeluarkan oleh al-Hakim di dalam al-Mustadrak kitab al-Tibb, jilid 4 halaman 239 hadith no 7497. Hadith ini Shahih

43 Hadith ini telah dikeluarkan oleh Imam Ahmad 1 / 381, Abu Daud hadith no 3883, Ibn Majah hadith no 3530, al-Hakim 4 / 418 dan Albani menyebutkan juga di dalam shahihnya no 331.

Huraian: Perasapan kemenyan dengan tujuan supaya menghalau jin dan hantu di dalam rumah dan menjemput malaikat datang ke rumah.

Di antara amalan yang masih terdapat dalam masyarakat melayu ialah perasapan kemenyan pada malam jumaat dengan alasan agar rumahnya akan di datangi oleh para malaikat ataupun untuk menghindari rumahnya dari dimasuki oleh iblis mahupun syaitan atau untuk menyepuh keris-keris dan sebarang jenis senjata warisan atau sebagainya. Sebenarnya amalan-amalan seumpama ini adalah amalan yang bersumberkan kepada ajaran agama hindu dan jelas bercanggah dengan ajaran Islam bahkan akan mengundang kemudharatan kepada pelakunya.

Firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا فُؤَا أُنْفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا
مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

Yang bermaksud: Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat lagi kasar, yang keras, yang tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan⁴⁴.

Huraian: Meletakkan air di dalam bekas untuk di jamukan kepada para malaikat “Air Malaikat”⁴⁵.

Sesungguhnya Malaikat merupakan makhluk ciptaan Allah S.W.T daripada Nur atau cahaya yang tidak pernah menderhakai Allah S.W.T walaupun sekali, serta mereka tidak mempunyai nafsu, dengan erti kata lain mereka tidak makan, minum, tidur, berkahwin, beranak ataupun melakukan sesuatu yang disebabkan nafsu, maka bagaimana mungkin air boleh disediakan sebagai minuman para malaikat? Ini tidak lain adalah disebabkan kejahilan tentang hukum agama⁴⁶.

Ayat sebelum ini sudah menggambarkan keadaan malaikat yang tidak pernah derhaka kepada Allah dan sentiasa taat kepada perintah Allah S.W.T dan sama sekali tidak akan melakukan sesuatu pun mengikut kehendak mereka

⁴⁴ Al-Quran Surah al-Tahrim ayat 6

⁴⁵ Perkara ini berdasarkan hadith yang dikeluarkan oleh Imam al-Dailami di dalam musnad al-Firdaus 4/225

⁴⁶ Lihat "Dirasah Fi al-Sami'iyat" oleh Prof.Dr. Sayyid Muhammad "Aqil al-Mahdali halaman 17

Huraian: Menganiayai atau menzalimi orang dengan melakukan sihir, santau, pukau dan sebagainya

Kesemua bentuk amalan yang tersebut di atas sebenarnya adalah termasuk dalam kategori menzalimi makhluk Allah s.w.t walaupun tujuan mereka untuk mensudi ilmu mereka, membantu orang lain yang bermusuhan dengan seseorang, memintas perniagaan seseorang, mencuri atau ingin mengambil hak milik seseorang bukan dengan secara hak, maka kesemua itu zalim namanya yang sangat layak dengan azab yang amat pedih disediakan oleh Allah S.W.T, sepertimana firman-Nya :

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ أُولَئِكَ
هُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: Sesungguhnya dosa itu atas orang-orang yang berbuat zalim kepada manusia dan melampaui batas di muka bumi tanpa hak. Mereka itu mendapat azab yang pedih⁴⁷.

وَلَا تَحْسَبَنَّ اللَّهَ غَفْلًا عَمَّا يَعْمَلُ الظَّالِمُونَ إِنَّمَا يُؤَخَّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشْخَصُ فِيهِ
الْأَبْصَارُ

Maksudnya: Dan janganlah sekali-kali kamu (Muhammad) mengira, bahwa Allah lalai dari apa yang diperbuat oleh orang-orang yang zalim. Sesungguhnya Allah memberi tangguh kepada mereka sampai hari yang pada waktu itu mata (mereka) terbeliak⁴⁸.

Huraian: Pemakaian susuk untuk mencantikkan muka dan badan atau lainnya

Sesungguhnya Allah sebagai pencipta kita telah menciptakan segala suatu dengan lengkap dan amat sempurna dan Dia maha mengetahui dengan citarasa dan kehendak makhluk ciptaan-Nya, oleh itu, mengubah sesuatu yang telah dijadikan oleh Allah S.W.T kepada manusia adalah haram, seperti mana Firman-Nya :

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.

47 Al-Quran Surah al-Syura ayat 42

48 Al-Quran Surah Ibrahim ayat 42

Sabda Nabi S.A.W :

عن قبيصة بن جابر الاسدي قال : انطلقت مع عَجُوزٍ مِنْ بَنِي أَسَدٍ إِلَى ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فَقَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ , يَلْعَنُ الْمُتَمَمِّصَاتِ وَالْمِتَقَلَّجَاتِ وَالْمِتَوَشَّمَاتِ اللَّائِي يُغَيِّرُنَّ خَلْقَ اللَّهِ تَعَالَى .

Maksudnya : Daripada Qubaisah bin Jabir al-Asadi katanya: Saya telah keluar bersama seorang tua dari kalangan Bani Asad kepada Ibnu Mas'ud R.A kata beliau: "Aku dengar Rasulullah (S.A.W.) melaknat orang yang meminta supaya rambut alisnya ditipiskan (agar nampak indah seperti bulan sabit), orang yang merenggangkan gigi-giginya, orang yang meminta supaya dicacah kulitnya yang kesemuanya itu mengubah-ubah keaslian kejadian Allah (S.W.T)⁴⁹.

Huraian: Pemakaian raksa atau apa-apa logam untuk menguatkan tubuh badan atau untuk kuatkan rangsangan seks

Allah S.W.T sebagai pencipta manusia dan hanya Dia yang tahu kehendak, keinginan dan keperluan manusia, tetapi manusia yang sentiasa menzalimi diri sendiri dengan melakukan sesuatu yang seolah-olah baginya Allah S.W.T tidak tahu tentang keperluan manusia. Pemakaian raksa boleh dikategorikan sebagai mengubah ciptaan Allah S.W.T dan amalan sihir kerana dengan pemakaian raksa akan menyebabkan seseorang itu menjadi kuat, kebal, tidak penat bekerja berat dan perlunya ada jampi serapah serta amalan tertentu untuk memasukkannya seperti pemakaian susuk. Firman Allah S.W.T menyatakan bahawa iblis akan menyesatkan manusia dengan cara merubahkan ciptaan Allah S.W.T:

إِنْ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ إِلَّا إِنَاتًا وَإِنْ يَدْعُونَ إِلَّا شَيْطَانًا مَرِيدًا ﴿١١٧﴾ لَعْنَةُ اللَّهِ وَقَالَ لَأَتَّخِذَنَّ مِنْ عِبَادِكَ نَصِيبًا مَفْرُوضًا ﴿١١٨﴾ وَأُضِلَّنَّهُمْ وَلَا مَنِّيَنَّهُمْ وَلَا مَرْئِيَنَّهُمْ فَلْيَتَّبِعُوا اللَّهَ إِنَّمَا عَلَى اللَّهِ الدِّينُ كُلُّهُ وَمَنْ يَشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَابًا ﴿١١٩﴾

Maksudnya: Yang mereka sembah selain Allah itu, tidak lain hanyalah berhala, dan (dengan menyembah berhala itu) mereka tidak lain hanyalah menyembah syaitan yang derhaka. Yang dilaknati Allah dan syaitan itu mengatakan: "Saya

benar-benar akan mengambil dari hamba-hamba Engkau bahagian yang sudah ditentukan (untuk saya). Dan aku benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka dan akan menyuruh mereka (memotong telinga-telinga binatang ternak), lalu mereka benar-benar memotongnya, dan akan aku suruh mereka (merubah ciptaan Allah), lalu benar-benar mereka mengubahnya". Barang siapa yang menjadikan syaitan menjadi pelindung selain Allah, maka sesungguhnya ia menderita kerugian yang nyata⁵⁰.

Huraian: Menggunakan sesuatu objek dengan alasan golongan jin akan takut kepada benda tersebut ataupun bermain dengannya seperti menabur beras kunyit di dalam rumah, menabur kacang hijau⁵¹ atau lada hitam, menyembur air garam ataupun cuka di rumah, meletakkan sesuatu benda yang berduri di dalam rumah.

Iblis dan kuncu-kuncunya sebenarnya pandai dan mempunyai seribu satu macam helah untuk menyesat dan menyelewengkan manusia sehinggakan sebahagian perawat pun terpengaruh dengan dakyah iblis ini. Iblis adalah makhluk ciptaan Allah S.W.T yang bertubuh halus (*Lathif*) yang sama sekali sesuatu dari bahan-bahan zahir tidak bermakna untuknya melainkan ayat al-Quran dan Zikrullah saja yang dapat menghalaunya. Firman Allah menyatakan perjanjian iblis kepada Allah S.W.T:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَالِقٌ بَشَرًا مِّنْ صَلْصَالٍ مِّنْ حَمَإٍ مَّسْنُونٍ ﴿٢٨﴾ فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُّوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ ﴿٢٩﴾ فَسَجَدَ الْمَلَائِكَةُ كُلُّهُمْ أَجْمَعُونَ ﴿٣٠﴾ إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى أَنْ يَكُونَ مَعَ السَّاجِدِينَ ﴿٣١﴾ قَالَ يَا إِبْلِيسُ مَا لَكَ أَلَّا تَكُونَ مَعَ السَّاجِدِينَ ﴿٣٢﴾ قَالَ لَمْ أَكُنْ لَأَسْجُدَ لِبَشَرٍ خَلَقْتَهُ مِنْ صَلْصَالٍ مِّنْ حَمَإٍ مَّسْنُونٍ ﴿٣٣﴾ قَالَ فَاخْرُجْ مِنْهَا فَإِنَّكَ رَجِيمٌ ﴿٣٤﴾ وَإِنَّ عَلَيْكَ اللَّعْنَةَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ﴿٣٥﴾ قَالَ رَبِّ فَأَنْظِرْنِي إِلَى يَوْمٍ يُبْعَثُونَ ﴿٣٦﴾ قَالَ فَإِنَّكَ

50 Al-Quran Surah al-Nisa ayat 117-119.

51 Sebahagian dikalangan perawat menggunakan bahan-bahan seperti yang disebutkan sila lihat BUKU 50 PELINDUNG DIRI & KEDIAMAN halaman 87 yang menyarankan menggunakan kacang hijau kononnya toyol akan bermain dengan kacang hijau tersebut.

مِنَ الْمُنظَرِينَ ﴿٣٧﴾ إِلَى يَوْمِ الْوَقْتِ الْمَعْلُومِ ﴿٣٨﴾ قَالَ رَبِّ بِمَا
أَعُوذُكَ لِأَزِيدَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ وَأَلْعُوذُهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٣٩﴾ إِلَّا عِبَادَكَ
مِنْهُمْ الْمُخْلِصِينَ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku akan menciptakan seorang manusia dari tanah liat kering (yang berasal) dari lumpur hitam yang diberi bentuk. Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya, dan telah meniupkan ke dalamnya ruh (ciptaan) Ku, maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersujud. Maka bersujudlah para malaikat itu semuanya bersama-sama. Kecuali iblis. Ia enggan ikut bersama-sama (malaikat) yang sujud itu. Allah berfirman: "Hai iblis, apa sebabnya kamu tidak (ikut sujud) bersama-sama mereka yang sujud itu?". Berkata Iblis: "Aku sekali-kali tidak akan sujud kepada manusia yang Engkau telah menciptakannya dari tanah liat kering (yang berasal) dari lumpur hitam yang diberi bentuk". Allah berfirman: "Keluurlah dari syurga, karena sesungguhnya kamu terkutuk. Dan sesungguhnya kutukan itu tetap menimpamu sampai hari kiamat". Berkata iblis: "Ya Tuhanku, (kalau begitu) maka beri tangguhlah kepadaku sampai hari (manusia) dibangkitkan". Allah berfirman: "(Kalau begitu) maka sesungguhnya kamu termasuk orang-orang yang diberi tangguh. Sampai hari (suatu) waktu yang telah ditentukan". Iblis berkata: "Ya Tuhanku, oleh sebab Engkau telah memutuskan bahwa aku sesat pasti aku akan menjadikan mereka memandang baik (perbuatan maksiat) di muka bumi, dan pasti aku akan menyesatkan mereka semuanya. Kecuali hamba-hamba Engkau yang mukhlis di antara mereka"⁵².

Huraian: Mempercayai sesuatu objek boleh memberi mudharat dan manfaat seperti batu zamrud, kayu koka, kemuning hitam, raja kayu, teras kilo, buluh tumpat dan sebagainya.

Di antara akidah yang perlu ada dalam hati setiap individu muslim ialah beriman bahwasanya yang memberikan mudharat dan manfaat hanyalah Allah S.W.T, di samping itu, setiap suatu ciptaan Allah S.W.T ada hikmah dan manfaat yang kembali kepada makhluk seperti raja kayu mempunyai khasiat tertentu untuk menghilangkan penyakit kencing manis dan batu kecubung mempunyai khasiat untuk menyembuhkan penyakit urat dan sebagainya secara adat kebiasaan yang sesuai dengan kajian saintifik⁵³.

52 Al-Quran Surah al-Hijr ayat 28-40

53 Lihat oleh "Batu Permata Dan Nilai Perubatannya"Dr. Hisyam Hasyim

Adalah salah kalau seseorang beriktikad bahawa batu, kayu ataupun logam tertentu boleh menghindar daripada gangguan makhluk halus atau jin serta boleh menjadi pelaris ataupun pengasih dan sebagainya kerana tidak warid (sabit) daripada al-Quran mahupun sunnah bahkan merosakkan akidah dan imannya.

Firman Allah S.W.T:

وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَيَقُولُونَ هَؤُلَاءِ شَفَعَاؤُنَا
عِنْدَ اللَّهِ قُلْ أَتَنْبِئُونَ اللَّهَ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٨﴾

Yang bermaksud: Dan mereka menyembah selain daripada Allah apa yang tidak dapat mendatangkan kemudharatan kepada mereka dan tidak (pula) kemanfaatan, dan mereka berkata: "Mereka itu adalah pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah". Katakanlah: "Apakah kamu mengkhabarkan kepada Allah apa yang tidak diketahuinya baik di langit dan tidak (pula) di bumi?" Maha Suci Allah dan Maha Tinggi dari apa yang mereka mempersekutukan (itu)⁵⁴.

Huraian: Lari di bawah keranda seseorang yang kita terlalu kasih supaya tidak teringat kepadanya.

Sebahagian dari fahaman khurafat yang masih lagi menyelubungi umat Islam dalam masyarakat kita ialah fahaman-fahaman seperti ini dan banyak lagi seperti :

- Jangan makan nasi di dalam periuk atau belanga nanti jadi fakir.
- Jangan main batu baling (batu tujuh) dalam rumah nanti sempit rezeki.
- Jangan sapu rumah atau buang sampah pada waktu malam nanti sempit rezeki.
- Jangan biarkan sarang labah-labah di dalam rumah nanti sempit rezeki.
- Rebus batu atau panah matahari dengan cili kering atau sambung baju pengantin sampai ke atas bumbung yang kesemuanya itu supaya tidak turun hujan, dan banyak lagi amalan dan fahaman khurafat yang sedang diamalkan.

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ
عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggung jawaban⁵⁵.

Huraian: Menzalimi binatang seperti amalan memindahkan penyakit kepada binatang atau menyihir seseorang dengan menggunakan katak atau apa apa binatang.

Setiap makhluk Allah S.W.T berhak untuk mendapat hak dan kebebasan masing-masing dengan tidak mengganggu hak orang lain walaupun makhluk itu bernama binatang dan sebagainya. Tindakan menzalimi binatang dengan alasan untuk menyelamatkan manusia tidak dapat diterima akal dan syarak, bahkan termasuk dalam amalan sihir yang dilaknati Allah S.W.T, Firman Allah S.W.T:

وَلَا تَحْسَبَنَّ اللَّهَ عَافِيًا لِمَا يَعْمَلُ الظَّالِمُونَ إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشْخَصُ فِيهِ
الْأَبْصَارُ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: Dan janganlah sekali-kali kamu (Muhammad) mengira, bahawa Allah lalai dari apa yang diperbuat oleh orang-orang yang zalim. Sesungguhnya Allah memberi tangguh kepada mereka sampai hari yang pada waktu itu mata (mereka) terbeliak⁵⁶.

Huraian: Mempercayai seseorang wali, keramat atau seseorang seperti bomoh dan dukun boleh mendatangkan kemudaran ataupun manfaat

Mulianya seseorang adalah dengan ketaqwaan bukannya dengan kebolehnya oleh itu kebolehan yang dimiliki oleh seseorang pada hakikatnya adalah milik dan kejadian Allah S.W.T bukannya makhluk itu kuasa untuk memanfaatkan atau memudharatkan walaupun dia dikatakan Wali dan sebagainya, ianya juga termasuk dalam kata mempercayai tukang Kahin dan 'Arraf yang disebutkan sebelum ini.

55 Al-Quran Surah al-Isra' ayat 36

56 Al-Quran Surah Ibrahim ayat 42

Firman Allah S.W.T :

﴿ ١٥٦ ﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Maksudnya: (iaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan, "Innaa lillaahi wa innaa ilaihi raaji`uun"⁵⁷.

Firman Allah S.W.T :

وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَيَقُولُونَ هَؤُلَاءِ شَفَعَاؤُنَا عِنْدَ اللَّهِ قُلْ أَتُنَبِّئُونَ اللَّهَ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿ ١٨ ﴾

Maksudnya: Dan mereka menyembah selain daripada Allah apa yang tidak dapat mendatangkan kemudharatan kepada mereka dan tidak (pula) kemanfaatan, dan mereka berkata: "Mereka itu adalah pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah". Katakanlah: "Apakah kamu mengkhabarkan kepada Allah apa yang tidak diketahuinya baik di langit dan tidak (pula) di bumi?" Maha Suci Allah dan Maha Tinggi dari apa yang mereka mempersekutukan (itu)⁵⁸.

Huraian: Mempercayai sesuatu perkara atau bunyi yang berlaku ada kaitan dengan apa-apa perkara atau kaitan dengan orang tertentu seperti bunyi cicak atau burung, kucing atau biawak melintas dalam perjalanan akan membawa malapetaka.

Tidak akan bergerak sesuatu di dalam alam ini melainkan dengan kehendak, keizinan dan kekuasaan Allah S.W.T. Mempercayai sesuatu itu berlaku kerana sesuatu yang hanya pada sangkaan sebenarnya termasuk dalam amalan khurafat dan tidak ada asalnya dalam agama lebih-lebih lagi apabila ianya dikatikan dengan sial dan mudharat

﴿ ١٥٦ ﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Maksudnya: (iaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan, "Innaa lillaahi wa innaa ilaihi raaji`uun"⁵⁹.

57 Al-Quran Surah al-Baqarah ayat 156

58 Al-Quran Surah Yunus ayat 18

59 Al-Quran Surah al-Baqarah ayat 156

Sabda Rasulullah S.A.W :

قال النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (لَا عَدْوَى ، وَلَا طَيْرَةٌ وَلَا هَامَةٌ ، وَلَا صَفْرٌ)

Maksudnya: Tiada sesuatu penyakit berjangkit, tiada sial, tiada burung hantu membawa sial dan tiada bulan safar yang berlaku sial⁶⁰.

Huraian: Membaca ayat al-Quran secara songsang ataupun dihentikan pada tempat yang salah dari segi tajwid dengan alasan tertentu yang bercanggah dengan syarak seperti membaca surah al-Fatihah atau surah al-Ikhlâs terbalik kononnya dengan tujuan perubatan atau untuk menghantar balik sihir yang dibuat oleh orang lain seperti dibaca⁶¹:

أحد كفرا له لم يكن لم يولد لم يلد لم صمد الله أحد

Ataupun memberhentikan bacaan pada “Rabbuka” **كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَابِ الْفِيلِ** kononnya untuk memberhentikan salakan anjing

Amalan ini jelas bercanggah dengan ajaran Islam berdasarkan firman Allah S.W.T yang mencela sikap golongan Yahudi yang mengubah ayat-ayat Allah di dalam kitab-kitab terdahulu sehingga mereka menjadi sesat :

مَنْ الَّذِينَ هَادُوا يُحَرِّفُونَ الْكَلِمَ عَن مَّوَاضِعِهِ وَيَقُولُونَ سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا

Maksudnya: Iaitu orang-orang Yahudi, mereka merubah perkataan dari tempat-tempatnya. Mereka berkata: "Kami mendengar", tetapi kami tidak mahu menurutinya⁶².

Huraian: Mempercayai wafaq atau huruf-huruf hijaiyyah yang tertentu yang ditulis boleh samada secara rajah ataupun tidak, dapat mendatangkan sesuatu manfaat ataupun mudharat.

Tulisan-tulisan yang mempunyai rajah-rajah tertentu atau huruf-huruf tertentu yang tidak dapat difahami maksudnya bahkan tidak tertulis dengan ayat al-Quran adalah sebahagian dari amalan sihir yang menyesatkan. Apatah lagi jika dikaitkan dengan sesuatu fahaman dan iktikad seumpama boleh melariskan perniagaan, mendekatkan jodoh, menghindarkan penyakit dan sebagainya . Firman Allah S.W.T menyatakan sikap golongan ini :

60 Hadith ini telah dikeluarkan oleh al-Bukhari di dalam Kitab al-Tibb, bab La Haamah, hadith no 5757 lihat fath al-Bari jilid 16 halaman 33 .Hadith ini juga dikeluarkan oleh Muslim hadith no 4116 begitu juga dikeluarkan oleh Abu Daud,al-Tirmizi,Ibn Majah dan Imam Ahmad. Hadith Ini Shahih

61 Lihat "Berpawang Dan Bersahabat Dengan Jin daripada Perspektif Islam" halaman 110

62 Al-Quran Surah al-Nisa' ayat 46

وَيَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَيَقُولُونَ هَؤُلَاءِ شَفَعَاؤُنَا
عِنْدَ اللَّهِ قُلْ أَنْتَبِئُوكَ اللَّهُ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ

﴿١٨﴾ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya: Dan mereka menyembah selain daripada Allah apa yang tidak dapat mendatangkan kemudharatan kepada mereka dan tidak (pula) kemanfaatan, dan mereka berkata: "Mereka itu adalah pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah". Katakanlah: "Apakah kamu mengkhabarkan kepada Allah apa yang tidak diketahuinya baik di langit dan tidak (pula) di bumi?" Maha Suci Allah dan Maha Tinggi dari apa yang mereka mempersekutukan (itu)⁶³.

Huraian: Berubat dengan kaedah yang salah dan haram di sisi agama seperti menyembelih ayam jantan / hitam, makan bara api, menilik di dalam air atau asap, mentitik lilin di dalam air untuk mengetahui sesuatu, mandi air najis, membuka, melihat dan menyentuh aurat pesakit tanpa hajat, berdua-duaan dengan pesakit.

Setiap insan ada ujian dan ada nikmatnya semasa hidup, dan di antara ujian itu ialah menerima kesakitan dan penyakit tertentu, dan setiap kita disuruh untuk berikhtiar mencari ubat dan penyelesaiannya dengan tidak melibatkan dengan amalan-amalan yang salah dan mungkar ini kerana matlamat tidak menghalalkan cara atau pelaksanaan seseorang. Firman Allah S.W.T:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ

سَبِيلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

Dan bahawa (yang Kami perintahkan) ini adalah jalan-Ku yang lurus, maka ikutilah dia; dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan (yang lain), kerana jalan-jalan itu menceraikan-beraikan kamu dari jalan-Nya. Yang demikian itu diperintahkan Allah kepadamu agar kamu bertakwa⁶⁴.

Huraian: Berubat dengan menggunakan bahan-bahan yang haram seperti najis, darah, nanah, air longkang, kain lapin, modes wanita yang mengandungi kesan darah, sesuatu dari cebisan tubuh badan manusia seperti rambut, kuku, gigi dan tulang manusia.

63 Al-Quran Surah Yunus ayat 18

64 Al-Quran Surah al-An'am ayat 153

Orang yang beriman adalah mereka yang sentiasa menjaga kebersihan baik zahir mahupun batin. Oleh itu penggunaan bahan yang haram di sisi agama menunjukkan seseorang itu jahil serta ingin menjadi musuh-musuh Allah kerana bahan-bahan haram hanya akan digunakan oleh musuh-musuh Allah sahaja. Firman Allah S.W.T:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barang siapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang⁶⁵.

Huraian: Mengadakan upacara “Tahdirul Arwah” kononnya memanggil roh-roh tertentu masuk ke dalam badan seseorang seperti memanggil roh syeikh Abdul Qadir al-Jailani dan sebagainya

Setiap roh yang dicabutkan oleh Allah S.W.T akan disimpan dan diberikan dengan nikmat mahupun azab mengikut kadar baik dan buruk seseorang semasa hidupnya. Roh tidak dapat bersatu dengan jasadnya melainkan setelah ditiupkan sangkakala yang kedua pada hari kiamat. Oleh itu dakwaan mereka bahawa mereka dapat menjemput roh-roh tertentu untuk berdialog adalah bohong dan ditipu oleh iblis dan konco-konconya seperti firman Allah S.W.T:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

Maksudnya: Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap nabi itu musuh, iaitu syaitan-syaitan (dari jenis) manusia dan (dari jenis) jin, sebahagian mereka membisikkan kepada sebahagian yang lain perkataan-perkataan yang indah-indah untuk menipu (manusia). Jika Tuhanmu menghendaki, nescaya mereka tidak mengerjakannya, maka tinggalkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan⁶⁶.

65 Al-Quran Surah al-Baqarah ayat 173

66 Al-Quran Surah al-An'am ayat 112

Huraian: Berubat dengan kaedah yang tidak ada asal usul dalam ugama seperti ilmu cungkil urat dengan di garis-garis di hadapan jari kaki dan tangan yang diurut di atas sebuah papan plawet dengan menggunakan pisau tumpul, menggunakan pahat atau penukul kononnya sebagai isyarat untuk pulihkan sendi atau urat yang sakit, memaku paku di tiang rumah untuk menghilangkan sakit gigi, menggunakan keris, pisau, pedang dan gambar.

Sabda Nabi S.A.W :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (مَنْ
حَسَّنَ إِسْلَامَ الْمَرْءِ تَرَكَهُ مَا لَا يَعْجِبُهُ

Maksudnya: Sebahagian daripada sifat keelokkan dan kepujian pada diri seseorang muslim yang sejati ialah meninggalkan perkara yang tidak memberikan faedah⁶⁷.

Huraian: Berubat dengan bomoh-bomoh bukan Islam seperti sami hindu, sami buddha, paderi kristian dan tok batin orang asli yang menggunakan kaedah kepercayaan terhadap agamanya ataupun jampi serapah agamanya.

Seperti yang dihuraikan sebelum ini bahawa al-Quran adalah kitab panduan daripada Allah yang lengkap segenap segi perkara dalam kehidupan umat manusia samada bagi menyelesaikan masalah lahiriah ataupun kebatinan. Islam menganggap umatnya yang meminta pertolongan kepada golongan kufar dalam hal yang tidak dibenarkan sebagai menghina Islam dan Allah S.W.T itu sendiri sepertimana firman Allah S.W.T :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ أَوْلِيَاءَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ
وَمَن يَتَوَلَّهُمْ مِّنْكُمْ فَإِنَّهُ مِنْهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥١﴾

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani menjadi pemimpin-pemimpin(mu); sebahagian mereka adalah pemimpin bagi sebahagian yang lain. Barang siapa di antara kamu mengambil mereka menjadi pemimpin, maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim⁶⁸.

67 Hadith ini telah dikeluarkan oleh al-Tirmizi, Malik dan Ahmad dan disahihkan oleh Albani, lihat juga dalam Arba'in an- Nawawi hadith ke 12.

68 Al-Quran Surah al-Maidah, ayat 51

Firman-Nya lagi:

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ۚ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا
خَسَارًا ﴿٨٢﴾

Maksudnya: Dan Kami turunkan dari al-Qur'an suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Qur'an itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian⁶⁹.

Huraian: Mendakwa diri sebagai seorang wali yang kasyaf dan boleh melihat jin dan sebarang makhluk halus dan boleh menyembuhkan sebarang penyakit.

Bila saja disebut makhluk bererti dia sentiasa berhajat kepada penciptanya bahkan tuhaninya. Oleh itu bagaimana manusia boleh mendakwa bahawa dia mampu mengada-adakan segala-galanya. Cakapan yang bongkak seumpama ini hanya akan keluar dari mulut seseorang yang tidak mempunyai akidah dan pegangan agama sama sekali kerana Allah S.W.T telah berfirman:

عَالِمُ الْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِ أَحَدًا ﴿٢٦﴾ إِلَّا مَن ارْتَضَىٰ مِن رَّسُولٍ

Maksudnya: Dia adalah Tuhan Yang Mengetahui yang ghaib, maka Dia tidak memperlihatkan kepada seorang pun tentang yang ghaib itu. Kecuali kepada rasul yang diarah-Nya⁷⁰.

Firman-Nya lagi:

وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَمَا
تَسْقُطُ مِن وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٌ فِي ظِلْمَاتِ الْأَرْضِ وَلَا رَطْبٌ وَلَا
يَابِسٌ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ ﴿٥٩﴾

Maksudnya: Dan pada sisi Allah-lah kunci-kunci semua yang ghaib; tidak ada yang mengetahuinya kecuali Dia sendiri, dan Dia mengetahui apa yang di daratan dan di lautan, dan tiada sehelai daun pun yang gugur melainkan Dia mengetahuinya (pula), dan tidak jatuh sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak sesuatu yang basah atau yang kering, melainkan tertulis dalam kitab yang nyata (Lauh mahfuz)⁷¹.

69 Al-Quran Surah al-Isra', ayat 82

70 Al-Quran Surah al-Jin, ayat 26/27

71 Al-Quran Surah al-An'am, ayat 59

Huraian : Mensyaratkan pengeras yang pelik-pelik seperti mesti beri benda tajam, bayaran yang berjumlah suku seperti dua ringgit suku, membawa pulut kuning dan telur berwarna dan sebagainya.

Sabda Nabi S.A.W :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
(مَنْ حَسَّنَ إِسْلَامَ الْمَرْءِ تَزَكُّهُ مَا لَا يَعْنِيهِ

Maksudnya: Sebahagian daripada sifat keelokan dan kepujian pada diri seseorang muslim yang sejati ialah meninggalkan perkara yang tidak memberikan faedah⁷².

CIRI-CIRI AMALAN KHURAFAT YANG BERCANGGAH DENGAN ISLAM

Menurut BAHEIS JPM 1994 sebagaimana yang dipersetujui oleh mesyuarat tidak rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura bahawa kriteria-kriteria yang boleh dijadikan garis panduan bagi menentukan sesuatu ajaran itu sesat ataupun tidak ialah :

1. Kepercayaan kepada rukun-rukun iman dan asas-asas akidah secara yang bertentangan dan tidak selaras dengan akidah ahli sunnah wal jamaah, seperti mempercayai ada kitab lain yang menyaingi atau memansuhkan kitab suci al-Quran, mempercayai ada lagi kiblat lain dari Kaabah.
2. Mempertikaikan kebenaran al-Quran atau al-Hadith yang diakui shahih oleh ulama hadith.
3. Mana-mana ketua kumpulan atau sebarang orang yang mendiayahkan dirinya sendiri atau orang lain sebagai Nabi terakhir, Nabi Isa A.S., Imam al-Mahdi al-Muntazhar atau lain-lain istilah yang seumpamanya.
4. Kepercayaan kepada penyatuan beberapa agama terbesar di dunia sebagai agama yang sepatutnya menjadi anutan kepada umat manusia.
5. Pendewaan diri atau pemimpin, atau kumpulan ajaran tersebut secara yang bertentangan dengan akidah ahli sunnah wal jamaah seperti memastikan dirinya atau gurunya ahli syurga, boleh menebus dosa, memiliki keistimewaan yang tidak dimiliki oleh orang lain umpamanya boleh berkahwin lebih dari empat.
6. Mengadakan bidaah dan pendapat baru yang bertentangan dengan akidah dan syariah yang diasaskan kepada dalil qat'ie dan tidak boleh dipertikaikan. Sebagai contoh menghapuskan kewajipan berjihad, sembahyang jumaat, puasa bulan ramadhan, menunaikan fardhu haji ke Mekah dan seumpamanya.
7. Mentafsir dan menghuraikan al-Quran dan atau al-Hadith mengikut sesuka hati⁷³.

⁷² Hadith ini telah dikeluarkan oleh al-Tirmizi, Malik dan Ahmad dan dishahihkan oleh Albani, lihat juga dalam Arba'in an-Nawawi hadith ke 12

⁷³ Lihat Penjelasan Terhadap 58 Ciri Ajaran Sesat Di Malaysia terbitan JAKIM 2006 halaman 1 dan 2

LANGKAH-LANGKAH MENGHINDARI DARI TERJEBAK DENGAN AMALAN KHURAFAT

1. ASUHAN DAN DIDIKAN

Pendidikan seseorang itu sebenarnya sudah bermula semenjak dia berada di dalam kandungan ibunya lagi oleh itu ibu bapa yang beriman akan melahirkan anak yang beriman juga tetapi sebaliknya akan berlaku jika ibu bapanya seorang yang lalai dan leka dengan amalan yang keji seperti sabdaan Baginda S.A.W:

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ
يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يمجَّسَانِهِ

Maksudnya: Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah maka ibu bapanya yang mencorakkan agar anak itu menjadi Yahudi, Kristian atau Majusi (penyembah Api atau berhala)⁷⁴.

2. SUASANA SEKELILING

Sepertimana yang diberitahu sebelum ini bahawa faktor keadaan sekeliling adalah penyebab berleluasanya ajaran khurafat. Oleh itu agar tidak terjebak dengan anasir-anasir tersebut faktor ini perlu dititik beratkan oleh seseorang yang ingin menyelamatkan akidah diri dan keluarganya dari tercemar, seperti firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا
مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, yang keras, yang tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan⁷⁵.

⁷⁴ Hadith ini telah dikeluarkan oleh Imam Malik 2 / 236 hadith no 507, al-Bukhari 5 / 182. juga dikeluarkan oleh Abu Daud, al-Tirmizi dan Imam Ahmad.

⁷⁵ Al-Quran Surah al-Tahrim ayat 6

3. ILMU PENGETAHUAN

Mulianya manusia hanya dengan ilmu, tanpa ilmu manusia tidak dapat membina empayar dan tamadun bahkan akan terus jatuh serta dipandang hina, oleh itu pengetahuan tentang akidah serta perkara yang dapat merosakkan akidah amatlah penting untuk dihadap oleh setiap individu muslim.

Dalam kata lain, bukan sekadar syahadah yang perlu diucapkan bahkan perlu diketahui rukun syahadah, syarat sah syahadah, kesempurnaan syahadah, perkara yang membatalkan syahadah serta perlu adanya keyakinan yang mantap terhadap perkara yang termaktub di dalam syahadah.

Kesemua ini tidak akan datang bergolek tanpa adanya usaha ke arah mendapatkan ilmu pengetahuan dari alim ulama yang menjadi pewaris para Nabi dalam menyampaikan risalah agama Allah S.W.T, seperti Firman Allah S.W.T:

فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Maka tanyakanlah olehmu kepada orang-orang yang berilmu, jika kamu tiada mengetahui⁷⁶.

4. PERGAULAN

Biasakanlah diri agar sentiasa berkawan dan berdampingan dengan ulama dan orang-orang yang soleh atau sekurang-kurangnya mereka yang tidak terpesong akidah dan kehidupannya dari ajaran Islam. Pilihlah mereka yang akan dijadikan teman dikalangan mereka yang mampu memberikan tunjuk ajar serta nasihat kearah kehidupan berlandaskan agama bukannya teman ke arah mendapatkan FULUS dan WANG BESAR semata-mata. Seperti Firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ ﴿١١٩﴾

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan hendaklah kamu bersama orang-orang yang benar⁷⁷.

5. BANYAKKAN BERDOA

Doa adalah perisai seorang mukmin bahkan doa memberikan kesan ke arah perubahan diri dan sikap seseorang apatah lagi kalau ianya disertai dengan syarat-syaratnya seperti ikhlas dan sebagainya. Firman Allah yang menyuruh kita sentiasa berdoa kepada-Nya :

⁷⁶ Al-Quran Surah al-Anbia' ayat 7

⁷⁷ Al-Quran Surah al-Taubah ayat 119

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ
فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾

Maksudnya: Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah), bahwasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepada-Ku, maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintah) Ku dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku, agar mereka selalu berada dalam kebenaran⁷⁸.

6. BANYAKKAN BERZIKIR

Zikrullah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia, tanpa zikrullah hidup manusia sebenarnya akan menjadi hambar dan tidak bermakna, laksana perisa dalam makanan. Dengan zikrullah manusia menjadi dekat kepada Allah S.W.T selaku khaliq (pencipta) dan dengan itu dia akan dipimpin serta mendapat perlindungan serta bantuan Allah S.W.T dari terpedaya dengan sebarang hasutan ke arah kemungkarannya. Hayatilah Firman Allah S.W.T:

اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَأَنسَاهُمْ ذِكْرَ اللَّهِ أُولَٰئِكَ حِزْبُ الشَّيْطَانِ أَلَا
إِنَّ حِزْبَ الشَّيْطَانِ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿١٩﴾

Maksudnya: Syaitan telah menguasai mereka lalu menjadikan mereka lupa mengingat Allah; mereka itulah golongan syaitan. Ketahuilah, bahawa sesungguhnya golongan syaitan itulah golongan yang merugi⁷⁹.

7. BANYAKKAN MEMBACA AL-QURAN

Sebagai seorang manusia tidak ada kitab panduan yang lebih baik yang diberikan oleh pencipta alam semesta ini melainkan al-Quran yang manfaatnya bukan sekadar menyatakan hukum-hakam kehidupan manusia, tetapi dengan membacanya saja sudah cukup untuk menjadi benteng penyelamat dari gangguan syaitan serta godaan dan hasutan mereka yang kufur kepada Allah S.W.T, seperti firman Allah S.W.T:

78 Al-Quran Surah al-Baqarah ayat 186

79 Al-Quran Surah al-Mujadalahah ayat 19

وَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ جَعَلْنَا بَيْنَكَ وَبَيْنَ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ حِجَابًا
مَّسْتُورًا ﴿٤٥﴾ وَجَعَلْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَنْ يَفْقَهُوهُ وَفِي آذَانِهِمْ وَقْرًا
وَإِذَا ذَكَرْتَ رَبَّكَ فِي الْقُرْآنِ وَحْدَهُ وَلَّوْا عَلَى أَدْبَارِهِمْ نُفُورًا ﴿٤٦﴾

Maksudnya: Dan apabila kamu membaca al-Qur'an nescaya Kami adakan antara kamu dan orang-orang yang tidak beriman kepada kehidupan akhirat, suatu dinding yang tertutup. Dan Kami adakan tutupan di atas hati mereka dan sumbatan di telinga mereka, agar mereka tidak dapat memahaminya. Dan apabila kamu menyebut Tuhanmu saja dalam al-Qur'an, nescaya mereka berpaling ke belakang kerana bencinya⁸⁰.

BEBERAPA SARANAN BAGI MEMBENDUNG BERLELUASANYA AMALAN KHURAFAT

1. Pihak kerajaan diharap dapat berusaha dengan lebih gigih lagi untuk meningkatkan kawalan serta pelaksanaan undang-undang yang tegas terhadap mereka yang cuba membawa atau menyebarkan sebarang ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam yang suci yang menjadi agama rasmi kerajaan.
2. Kerajaan juga disarankan agar menyediakan peruntukan bagi mengadakan seminar, forum, dan majlis-majlis ilmu yang membolehkan mereka yang menghadapi masalah ini mendalami serta merujuk kepada pakar-pakar bagi menyelesaikan konflik yang berlaku.
3. Kerajaan juga diharap dapat mengawal sebarang bentuk penyiaran am dari unsur-unsur khurafat dan ajaran sesat di media massa agar tidak menjadi idea pencetus ke arah berlanjutannya ajaran sesat.
4. Kerajaan digesa supaya dapat mengadakan seminar atau forum kepada penerbit-penerbit filem agar memahami unsur-unsur syirik dan bahaya amalan khurafat serta ajaran sesat terhadap agama dan negara.
5. Setiap umat Islam khususnya perlulah menimba ilmu yang mendalam melalui tokoh-tokoh ulama yang mempunyai asas-asas pengajian Islam yang lengkap yang ditimba dari tokoh ulama yang berwibawa (mempunyai silsilah pengajian yang jelas) serta melalui kitab-kitab yang muktabar serta mempelajari dari pelbagai tokoh agar luas pemikiran.

6. Iklan dan maklumat perlulah disebarkan melalui alat sebaran am samada media cetak atau elektronik kepada seluruh warga muslim dan rakyat negara ini agar tidak terikut-ikut dengan gejala khurafat dan ajaran sesat yang bertentangan dengan ajaran Islam.
7. Tokoh-tokoh agama hendaklah sentiasa peka dengan keadaan ini dan sentiasa memberikan pengajaran ke arah bahayanya keterlibatan dengan gejala khurafat dan ajaran sesat terhadap dan negara.
8. Sebagai umat Islam dan rakyat dalam sesebuah negara islam, kita seharusnya melihat bahawa amalan dan fahaman khurafat adalah virus besar kepada agama dan negara, oleh itu kita sepatutnya melaporkan kejadian-kejadian khurafat yang berlaku di dalam masyarakat kepada pihak berkuasa agar terhapusnya gejala mungkar seperti yang dikehendaki oleh agama.
9. Setiap individu muslim perlulah menjadi ejen penyebar mewakili para ulama dan Jabatan Agama Islam kepada setiap individu-individu yang terlibat dengan ajaran khurafat, caranya dengan menghadiri majlis ilmu dan memahami persoalan-persoalan serta ajaran yang menyimpang dari islam seterusnya menyampaikan kepada setiap kenalan dan umat Islam.
10. Satu talian “Bebas Tol” perlu diadakan agar setiap aduan dapat ditangani segera oleh penguatkuasa yang dilantik bagi membendung dan seterusnya menghapuskan kemungkaran yang berlaku.

BEBERAPA SARANAN PEMBENTENG DARI TERJEBAK DENGAN GEJALA KHURAFAT

Membaca 3 surah Qul

Diriwayatkan daripada 'Aishah R.A. bahawasanya Rasulullah S.A.W. bersabda :

لَيْلَةَ جَمَعَ كَفَّيْهِ ثُمَّ نَفَثَ فِيهِمَا فَقَرَأَ فِيهِمَا (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) وَ (قُلْ أَعُوذُ
بِرَبِّ الْفَلَقِ) وَ (قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ) ثُمَّ يَمْسُحُ بِهِمَا مَا اسْتَطَاعَ مِنْ
حَسَنِهِ يَبْدَأُ بِهِمَا عَلَى رَأْسِهِ وَوَجْهِهِ وَمَا أَقْبَلَ مِنْ حَسَنِهِ يَفْعَلُ ذَلِكَ ثَلَاثَ
مَرَّاتٍ

Maksudnya : Adalah Rasulullah S.A.W. apabila berada diatas hamparan tidurnya pada setiap malam menghimpunkan dua tapak tangannya (seperti berdoa) dan menghembuskan ketapak tangannya itu (dengan tidak mengeluarkan air liur) setelah membaca Tiga surah Qul ,kemudian menyapu dengan dua tapak tangannya itu kesekelian tubuhnya (sekadar yang termampu) yang dimulai awalnya dari kepala dan muka dan tempat tempat yang boleh sampai tangannya ditubuhnya, dan beliau melakukan perkara tersebut berulang ulang kali⁸¹.

Zikrullah (membaca zikir yang khusus ini)

Diriwayatkan daripada Abi Hurairah R.A. bahawasanya Rasulullah S.A.W. bersabda :

أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " مَنْ
قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ فِي يَوْمٍ مِائَةَ مَرَّةٍ كَانَتْ لَهُ عِدَّةٌ عَشْرٍ رِقَابٍ وَكُتِبَ لَهُ
مِائَةٌ حَسَنَةٍ وَنُحِبَّتْ عَنْهُ مِائَةٌ سَيِّئَةٍ وَكَانَتْ لَهُ حِرْزًا مِنَ الشَّيْطَانِ يَوْمَهُ
ذَلِكَ حَتَّى يُمْسِيَ وَمَنْ يَأْتِ أَحَدًا بِأَفْضَلٍ مِمَّا جَاءَ إِلَّا رَجُلًا عَمِلَ أَكْثَرَ
مِنْهُ "

Maksudnya : Barangsiapa yang membaca: Lailaha illallahu wahdahu la syarikalah... Pada setiap hari seratus kali maka baginya ganjaran memerdekakan sepuluh orang hamba dan ditulis baginya seratus kebajikan dan dihapuskan baginya seratus kejahatan dan dapat menghindarkan dirinya dari gangguan syaitan pada hari tersebut sehingga keesokkan harinya dan tiada ada seorang yang lebih utama darinya melainkan mereka yang banyak membaca doa tersebut⁸².

Islam adalah undang-undang ke arah menjadikan kehidupan manusia lebih berkualiti kerana datangnya dari pencipta alam itu sendiri, sebab itu ia sesuai di setiap zaman dan tempat bahkan tidak akan sesat selama mana kita berpegang dengan dua panduan Islam yang utama, seperti sabdaan Nabi S.A.W :

81 Hadith ini telah dikeluarkan oleh al-Bukhari lihat Fath al-Bari 11 / 125, juga al-Tirmizi 5 / 139

82 Hadith ini telah dikeluarkan oleh Imam Malik didalam al-Muwaththa' 1 / 209, al-Bukhari lihat Fath al-Bari 6 / 338 dan Muslim, lihat Syarh Nawawi 17 / 17

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا
مَسَسْتُمُ مِمَّا كَتَابَ اللَّهُ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

Maksudnya: Aku tinggalkan pada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama mana kamu berpegang dengan keduanya iaitu kitab Allah S.W.T dan sunnah Nabi-Nya.

Doa ketika keluar dari rumah

Membaca doa dibawah ini pada setiap kali keluar dari rumah seperti hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan al Tirmizi daripada Anas bin Malik R.A⁸³.

بِسْمِ اللَّهِ ، تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Maksudnya: Dengan nama Allah S.W.T aku berserah ke atas Allah serta tiada daya dan upaya melalaikan dengan bantuan Allah.

Berdoa ketika memasuki masjid dan mana mana tempat

Sesungguhnya Baginda tidak pernah meninggalkan membaca doa ini pada setiap kali memasuki masjid dan baginda menegaskan bahawa : sesiapa yang membaca doa ini maka dia akan sejahtera daripada gangguan syaitan pada hari itu ini adalah berdasarkan hadis riwayat Abu Daud daripada Abdullah ibn al-Ash

أَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ ، وَبِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ ، وَسُلْطَانِهِ الْقَدِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Maksudnya: Aku memohon perlindungan dengan Allah yang maha besar dan dengan zat-Nya yang mulia dan kerajaan-Nya yang kekal abadi daripada syaitan yang direjam⁸⁴.

Membaca doa khusus untuk perlindungan

Seperti yang disebutkan oleh Imam Muslim di dalam shohihnya daripada Abi Hurairah R.A. bahawasanya baginda bersabda : Sesiapa yang dapat membaca doa atau zikir ini tiga kali sehari atau lebih maka sesuatu pun di kalangan makhluk Allah S.W.T. tidak dapat memudharatkannya.

83 Hadith ini telah dikeluarkan oleh al-Tirmizi 11 / 307 hadith no 3348 dan dia berkata hadith ini hasan lagi shahih, juga dikeluarkan oleh Ibn Majah dan dishahihkan oleh Albani

84 Hadith ini telah dikeluarkan oleh Abu Daud dan telah mengatakan hasan oleh Imam Nawawi di dalam al-Azkar halaman 26 dan dishahihkan oleh Albani

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

Maksudnya : Aku memohon perlindungan dengan kalimah-kalimah Allah S.W.T. yang maha sempurna daripada kejahatan yang dijadikannya⁸⁵.

Membaca doa khusus untuk perlindungan

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّهُ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya : Dengan nama Allah yang tidak dapat memberi mudharat beserta menyebutkan namanya oleh sesuatu di bumi maupun di langit sedangkan ia amat mendengar lagi amat mengetahui⁸⁶.

Membaca doa khusus untuk perlindungan ketika hendak tidur

يَا أَرْضُ رَبِّي وَرَبُّكَ اللَّهُ ، أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّكَ وَشَرِّ مَا فِيكَ ، وَشَرِّ مَا
خُلِقَ فِيكَ وَشَرِّ مَا دَبَّ عَلَيْكَ ، أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّ كُلِّ أَسَدٍ وَأَسْوَدَ وَحَيَّةٍ
وَعَقْرَبٍ ، وَمِنْ شَرِّ سَاكِنِ الْبَلَدِ وَمِنْ شَرِّ وَالِدٍ وَمَا وَلَدَ

Maksudnya : Wahai bumi tuhanku, tuhanmu ialah Allah S.W.T. aku memohon perlindungan dengan Allah S.W.T. daripada kejahatan engkau (bumi) dan kejahatan yang di dalam engkau (bumi) dan dari kejahatan barang yang terjadi di dalam engkau dan dari kejahatan barang yang melata di atas engkau, aku memohon perlindungan singa (binatang buas) dan yang hitam (jin / syaitan) dan daripada ular dan kala dan daripada kejahatan penduduk negeri dan daripada anak dan apa apa yang terjadi disebabkan perkara tersebut⁸⁷.

85 Hadith ini telah dikeluarkan oleh Muslim lihat Syahr al-Nawawi 17 / 31

86 Hadith ini telah dikeluarkan oleh al-Tirmizi 5 / 133 hadith ini hasan lagi shahih

87 Hadith ini telah dikeluarkan oleh Abu Daud 3 / 35 hadith ini hasan.

Membaca doa khusus untuk perlindungan

بِسْمِ اللَّهِ وَضَعْتُ جَنْبِي ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي وَأَخْسِرْ شَيْطَانِي وَفُكِّ
رَهَائِي وَاجْعَلْ لِي فِي النَّدَى الْأَعْلَى

Maksudnya : Dengan nama Allah S.W.T. aku meletakkan lambungku, wahai tuhanku ampunkanlah segala dosaku dan hindarkanlah aku dari syaitan yang sentiasa menggodaku dan tebuskanlah segala gadaianku dan tempatkanlah aku ditempat yang tinggi (mulia)⁸⁸.

PENUTUP

Sebenarnya kalau kita hendak menghimpun kesemua fahaman dan ajaran khurafat yang sering berlaku di dalam masyarakat Islam khususnya di nusantara ini amat banyak, memadailah dengan beberapa perkara yang telah diketengahkan sebagai garis panduan dan bekalan untuk kita bagi menilainya.

Setiap satu dari perkara yang pembahas tulis sebagai amalan khurafat di dalam kertas kerja ini adalah menjadi amalan pembahas semasa di zaman jahiliyyah dahulu dan sehingga sekarang masih lagi kedapatan mereka yang mengamalkannya.

Oleh itu, menjadi suatu tanggungjawab kita sebagai umat Nabi S.A.W yang diamanahkan untuk memikul tanggungjawab untuk menegakkan amar makruf dan nahi mungkar untuk menghalang umat Islam dari terjebak dengan amalan-amalan khurafat dan ajaran sesat yang bermaharajalela dengan segala dongengan dan tahyulan mereka itu.

Nabi S.A.W sudah bersabda bahawa umatnya akan berpecah menjadi 73 puak, hanya satu yang akan berjaya. Menggambarkan kepada kita bahawa gejala ini akan terus ada sehingga ke hari akhirat. Tetapi sebagai umat dan hamba, kita wajib meneruskan usaha kita menyedarkan manusia dengan segala tuntutan yang ada bagi mencapai slogan “Negara yang baik serta rakyatnya yang diampuni tuhan”

Akhir kalam dari al-faqir mengharapkan teguran membina dari para alim ulama jika kedapatan sesuatu yang tidak tepat dengan kehendak agama didalam risalah ini. Kerana setiap manusia tidak lari dari kesilapan melainkan mereka yang dipilih oleh Allah S.W.T . Wassalam.

RUJUKAN

Abu Muhammad al-Naqsyabandiy Ustaz Hj, Shahul Hamid Bin Seeni Md. 2002 M. *Mengenal Jin*. Maahad Tahfiz al-Quran Dan Pengajian Islam Darul Tahzhib, Teluk Kumbar, Pulau Pinang.

Al-Bukhari Abi al- Fadhl Syihab al-Din Ahmad bin Ali bin Muhammad. *Fath al-Bari*. Dar al-Ghad al-'Arabi. Al-Kaherah.

Musthafa Abd al-Qadir A'tha. *Al-Mustadrak A'la al-Shahihain*, Dar al-kotob al-Ilmiyah. Beirut, Lubnan. Cetakan 1.

Al-Imam Ahmad Bin Muhammad Bin Hanbal. 1416 H 1995 M. *Al-Musnad*. Dar al-Hadis al-Qaherah, Mesir. Cetakan 1.

Al-Farisi al-Amir A'lauddin A'li bin Balban. 1417 H 1996 M. *Shahih Ibn Hibban*. Dar al-kutub al-Ilmiyah. Beirut, Lubnan.

Al-Tarmizi al-Imam Abi 'Isa bin Saurah. Tahqiq Abu al-Fawaris Ahmad Farid al-Mazidi. *Al-Syama'il al-Muhammadiyah*. Al-Maktabah al-Taufiqiah.

Nazhim Muhammad Sulthan. 1421 H 2000 M. *Al-Arba'in al-Nawawiah*. Dar al-Hijrah. Cetakan 7.

Al-Haitami al-Hafiz Nur al-Din Ali bin Abi Bakar. 1406 H 1986 M. *Majma' al-Zawaid Wan Manba' al-Fawaid*, Juz 5-6. Maktabah al-Ma'arif. Beirut, Lubnan.

Al-Imam Syams al-Din Muhammad Bin Abi Bakr Bin Qayyim al-Jauziyyah. 1979 M. *Al-Jawab al-Kafi Li Man Saala 'An Dawaak al-Syaafi*. Al-Maktabah al-Qayyimah, Qaherah, Mesir.

Badr al-Din Abi Abdullah Umar Bin Abdullah. 1408 H 1988 M. *Ahkam al-Murjan Fi Ahkam al-Jaan*. Dar al-Qalam. Cetakan Pertama.

Wali Zaar Bin Shah Zaa al-Din. 1420 H 1999 M. *Al-Jiin Fi al-Quran Wa al-Sunnah*. Dar al-Basyair al-Islamiah. Beirut, Lubnan. Cetakan 2.

Dr. Ibrahim Kamal Adham. 1413 H 1993 M. *Al-Alaqah Bain al-Jin Wa al-Ins*. Dar. Beirut al-Mahrusah.

Dr. Umar Sulaiman al-Asyqar. *'Alam al-Jin Wa al-Syayathin*. Bait al-Hikmah. Al-kaherh. Tanpa Tarikh.

Al-Syeikh Yussuf Bin Ismail al-Nabhani. 1425 H 2004 M. *Mufarrij al-Kurub Wa Mufarrij al-Qulub*. Al-Maktabah al-'Ashriah.

Riyadh Muhammad Samahah. *Dalil al-Mualijin Bi al-Quran al-Karim*. Tanpa Penerbit Dan Tarikh.

Muhammad Fuad Abd al- Baqi 2001 M 1422 H. *Al-Mu'jam al-Mufahras*. Dar al-Hadis. Al-Qaherah, Mesir.

4747 Majdi Muhammad al-Syahawi. *Al-Wiqayah Wa al-'Ilaj Min al-Jiin Wa al-Syayathin*. Al-Maktabah al-Taufiqiyah.

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah Abi al-Abbas Ahmad bin Abd halim ibn Taimiyyah al-Harran. *Al-Bayan al-Mubin Fi Akhbar al-Jin Wa al-Syayathin*. Dar al-Fadhilah.

Al-Hafiz al-Imam Jamal al-Din Abi al-Farj Abd al-Rahman Ibn al-Jauzi al-Baghdadi. *Talbis Iblis*. Dar. Al-Fikr.

- Syaikh Wahid bin Abd al-Salam Baly, 1422 H 2002 M. *Wiqayah al-Insan Min al-Jin Wa al-Syaithan*. Maktabahal-Thabii'n. Al-Qaherah, Mesir. Cetakan 16.
- Abd al-Mun'im al-Hasyimi. 1419 H 1998 M. *Al-Sihr Fi al-Quran al-Karim*. Dar Ibn Hazam. Beirut, Lubnan. Cetakan 2.
- Al-Mahdali Dr. al-Sayyid Muhammad A'qil bin A'li. 1416 H. 1996 M. *Al-Sami'yat*. Dar al-Hadis. Kaherah, Mesir.
- Al-Qudhatu al-Syeikh Nuh A'li Salman. 1420 H 1999 M. *Al-Mukhtashar al-Mufid*. Dar al-Razi. Aman. Al-Urdun. Cetakan 1.
- Anas Ismail Abu Daud. 1416 H 1996 M. *Dalil al-Sailin*. Maktabah al-Malik fahad al-Wathaniah. Jeddah, Saudi.
- Ali Zulfakar, *1000 Hikmah*, Percetakan Nahdi, Pulau Pinang.
- Ali Zulfakar, *Dunia Hikmah*, Percetakan Pustaka Muda, Ipoh, Perak.
- Ali Zul Fakar. Hikmat Ayatul Kursi. Percetakan Nahdi. Jalan Perak, Pulau Pinang.
- Aminah Haji Noor, 1995, *Pantang Larang dan Amalan Semasa Mengandung*. Citakhidmat (M) Sdn. Bhd, Ampang, Selangor, Cetakan Ke-2.
- Amran Kasimin, 2002, *Santau dan Kaedah Rawatan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Cetakan Ke-2.
- Al-Andunisi al-Mandili al-Syeikh Abd al-Qadir bin Abd al-Mutalib. 1379H 1960 M. *Mutiara Yang Bagus Lagi Indah*. Mathbaah al-Anwar, Mesir.
- Al-Merbawi Dr. Abd al-Manam bin Mohamad. *Penyelewengan Akidah Dan Perbomohan: Ciri-Ciri, Faktor Dan Implikasi Terhadap Umat Islam*.
- Hanif Hj Ghazali. 2006. *50 Pelindung Diri Dan Kediaman*. Madrasah Zubaidiyah, Merbok, Kedah. Cetakan 4.
- Haji Abdul Hamid @ Yusoff Bin Yunus. 2006. *Penjelasan Istilah Yang Boleh Membawa Penyelewengan Akidah*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Cetakan 1.
- Ahmad Dahlan Bin Salleh. 2003. *Pembedahan Kosmetik Menurut Perspektif Islam*. Dar al-Syakir Enterprise. Cetakan 2.
- Haji Abd al-Zaki Md, Zain. *Perubatan Dari Kacamata Islam*. Jabatan Agama Islam Pahang.
- Prof. Dr. Hj Jahid Bin Hj Sidek. 2004. *Berpawang Dan Bersahabat Dengan Jin*. Daripada Perspektif Islam. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Cetakan 1.
- Prof. Dr. H. Mahmud Yunus, *Tafsir Quran Karim*, P.T. Hidakarya Agung, Djakarta. Tanpa tarikh.
- Syaikh Wahid Bin Abd al-Salam Baly, 1417 H. *Al-Sharimu al-Battar Fi al-Tashdi Lis Saharati al-Asyrar*. Dar Ibn al-Haitham.
- Dato' Ustaz Hj. Johari Mansor, *Rahsia Perubatan Zahir dan Batin*, Seni Silat Gerak Kilat, Johor Bahru.
- Dato' Ustaz Hj. Johari Mansor, *Rahsia Perubatan Zahir Batin 2*, Seni Silat Gerak kilat, Johor Bahru.

Datu' Ustaz Hj. Johari Mansor, **Rahsia Ilmu Pengasih**, Johor Bahru.

Haji Mohhtar bin H. Md. Dom, **Kepercayaan dan Pantang Larang**, Federal Publications, Selangor,

Dr. Amran Kasimin, 1991, **Fadilat Ayat Kursi Menurut Hadis dan Untuk Rawatan**, Pustaka Al Mizan, Kuala Lumpur, Cetakan Ke-2.

Dr. Amran Kasimin, 1993, **Yasin Untuk Rawatan dan Doa**, Dinie Publishers, Kuala Lumpur, Cetakan Ke-2.

Abdul Mannan Ar-Rasikh, 2003, **Kamus Istilah-istilah Hadits**, Pustaka Rezeki Harapan, Kuala Lumpur, Cetakan 1.

Syekh Ali Jum'ah, 2007, **Kupas Tuntas Ibadah-ibadah Diperselisih**, Duha Khazanah, Lippo Cikarang, Cetakan 1.

Ibnu'l Qayyim Al-Jauziyah, 2000, **Sistem Pengobatan Di Zaman Rasul**, Pustaka Ilmi, Selangor, Cetakan ke-2.

Jalaluddin Abdurrahman As-Sayuthi, 2000, **Rawatan Cara Nabi Muhammad**, Pustaska Syuhada, Kuala Lumpur, Cetakan-1.

Syeikh Nuruddin Marbu Al Banjari Al Makki, Terjemahan Abu Muhammad An Naqsyabandiy, 2003, **Sedekah Menurut Perspektif Islam**, Badan Kebajikan Pelajar Pulau Pinang Mesir, Darul Tahzhib Production and Islamic Media, Mesir, Cetakan-2.

Muhammad Azraie, **Cara Makan dan Minum Nabi**, Penerbitan Darul Iman, Kuala Lumpur, Cetakan-1.

Al- Sheikh Al-hafiz Abu Al Fadl Abdullah Al-Siddiq Al-Ghumari, 2006, **Makna Sebenar Bid'ah : Satu Penjelasan Rapi**, Tihani Cetak Sdn. Bhd, Selangor, Cetakan-1.

Hj. Taib Azamuddin, Ngah Puteh Abdul Shukor, 1994, **Amalan-amalan Semasa Mengandung dan Panduan Menyambut Cahaya Mata**, Pustaka Hamduna, Pustaka Haji Abdul Majid, Kuala Lumpur, Cetakan-6.

Ibnu Yusof, 1994. **Mutiara Taman Wangi**. Al-Kafilah Enterprise. Kota Bharu, Kelantan. Cetakan 2.

Ibnu Yusof. 1995. **Permata Yang Hilang**. Al-Kafilah Enterprise. Kota Bharu, Kelantan.

Dr. Hisham Hashim. 2006. **Batu Permata & Nilai Perubatannya**. D'Kasturi Enterprise. Kangar, Perlis. Cetakan 1.

Hj. Abd al-Hadi Kamil. **Senjata Pak Kiai**. Pustaka Muda. Ipoh, Perak. Tanpa Tarikh.

Martapura H. Husin Kudri. 1391 H 1971 M. **Senjata Mukmin**. Toko Buku/Kitab H. Saberan Sanu. Banjar Masin. Kalimantan Selatan. Cetakan 6.

Hj. Abd Razak bin Kasman. 1980 M. **Pagar Hikmah**. Pustaka Muda. Ipoh, Perak. Cetakan 4.

Kamus Dewan (edisi keempat) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 2005.



Diterbitkan oleh:

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Georgetown, Pulau Pinang.

Tel: 04-263 2975

Faks : 04-263 2985